



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 SUBUH 4.46 SYURUK 6.11 DUHA 6.35 ZUHUR 12.24 ASAR 3.50 MAGHRIB 6.35 ISYAK 7.51 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 76

24 JUN 2024 / 1445H 17 ذو الحجه

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

مانیسش ایمان

"DARIPADA Sahal bin Muadz, daripada bapanya (Muadz bin Anas Radiallahuanha), beliau telah berkata : Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda : Barang siapa berbakti kepada kedua ibu bapanya, keuntunganlag baginya. Allah Subhanahu Wata'ala akan menambah umurnya".
- (Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

KEBAWAH DYMM BERANGKAT MENYAKSIKAN KEJOHANAN POLO AMAL



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para pemain dari Pasukan Lions, Pasukan Tigers dan Pasukan Bears pada Kejohanan Polo Amal sempena Hari Polo Amal 2024. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

JERUDONG, Ahad, 23 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Amal sempena Hari Polo Amal 2024 yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

>> Muka 3

Berkorban untuk agama Allah

■ Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Pengorbanan merupakan suatu perkara yang manusia tidak akan terlepas daripadanya dalam kehidupan.

Apabila seseorang itu mengasihi seseorang yang lain atau sesuatu, ia akan sanggup berkorban untuk seseorang atau sesuatu yang dikasihinya itu.

Namun, pengorbanan yang digalakkan di dalam Islam adalah berkorban kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya, iaitu berkorban untuk agama Allah.

Berkorban untuk agama inilah yang didik dan dilatih oleh Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada para sahabat dan yang sepatutnya diusahakan oleh umat Islam seluruhnya kerana pengorbanan seperti ini merupakan perbuatan yang mulia dan pastinya menempatkan seseorang itu pada darjah yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

>> Muka 9

Memastikan program interaktif menggabungkan sains, teknologi

■ Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Ahad, 23 Jun. - Kerjasama strategik antara Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dan syarikat IT tempatan adalah untuk memastikan program yang ditawarkan adalah pendidikan dan interaktif dengan menggabungkan sains dan teknologi.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Dipertua PPPBD berkenan bersabda demikian pada Majlis Pelancaran Tech Changemakers yang berlangsung di Park View Hotel, Kampung Jerudong, di sini.

>> Muka 7

Ketibaan Yang di-Pertua Negeri Sarawak bagi kunjungan muhibah

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat

Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi tiba di Bandar Seri Begawan bagi kunjungan muhibah.

>> Muka 8

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama

Teknologi Brunei (UTB) & Makan C



MOU tingkatkan kepakaran ahli akademik, industri

Muka 10



MPM Pekan Tutong anjur Forum Hari Keluarga

Muka 12



MESYUARAT Agung Ke-15 PEMODA

Muka 17



RENCANA
MASYARAKAT perlu perangi gejala dadah habis-habisan

Muka 20



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berucap pada Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 2024 dengan tema 'Contemporary Specialisation In Educational Practices Towards Education Excellence', sub-tema : 'Effective Instructional Coaching Towards Education Excellence' pada 19 - 20 Jun 2024 di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

Bismillahir Rahmani Rahim,
Alhamdulillahirrabbil 'Alameen,
Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil
Anbiyaie Wal Mursalen,
Sayyidina Muhamadin Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een,
Assalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita berkumpul di sini untuk Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 2024. Saya amat berbesar hati, untuk berdiri di hadapan awda pada hari ini untuk merasmikan seminar tahun ini, perjalanan yang

Bakat Pakar Pendidikan penting capai kecemerlangan pendidikan

kita mulakan pada tahun 2021. Hari ini, sambil kita meneroka sub-tema 'Effective Instructional Coaching towards Education Excellence', kita melakukannya dengan tujuan dan keazaman yang dikongsi bersama. Kita berkumpul bukan sahaja untuk mengiktiraf dedikasi dan semangat para pendidik dan pemimpin sekolah kita tetapi juga untuk menyemarakkan percikan inspirasi yang akan mendorong kita terus ke hadapan dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan pendidikan.

Bimbingan pengajaran ialah salah satu bidang pengkhususan utama dalam kumpulan bakat Pakar Pendidikan kita, di samping penyelidikan, penilaian dan pengukuran, teknologi pendidikan, kurikulum dan arahan, dan pendidikan khas. Setiap bidang pengkhususan ini memainkan peranan penting, dalam usaha kolektif kita untuk mencapai kecemerlangan pendidikan.

Sepanjang lima tahun yang lalu, kita telah menyaksikan evolusi yang mendalam dalam pendidikan-perubahan yang didorong oleh inovasi, penyelidikan dan komitmen yang teguh untuk meningkatkan amalan pengajaran. Di tengah-tengah evolusi ini terletak bimbingan pengajaran, pendekatan dinamik yang memegang kunci, untuk meneroka potensi penuh para pendidik dan pelajar.

Pembangunan amalan bimbingan pengajaran di Negara Brunei Darussalam adalah bukti komitmen negara yang tidak berbelah bahagi terhadap kecemerlangan dan inovasi pendidikan. Perjalanan bermula dengan permulaan Projek Kejurulatihan Literasi dan Numerasi (LNCP), usaha kerjasama antara Kementerian Pendidikan dan Amanah

Pembangunan Pendidikan (CfBT Brunei) dari Ogos 2016 hingga Julai 2019. Dengan bangganya, LNCP kini diuruskan sepenuhnya oleh Pasukan Teras LNCP Kementerian Pendidikan. Melalui inisiatif ini, pencapaian penting telah dicapai, termasuk penubuhan Rangka Kerja Kompetensi Pengajaran untuk Penguasaan (TfM) dan pensijilan lapan Pemimpin Jurulatih di BDLTA untuk menjalankan Program Latihan Kejurulatihan. Selain itu, 15 pemimpin sistemik telah dilatih dan diperakui untuk meletakkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan dan pembangunan yang mampu.

Sehingga November 2023, program ini telah mencapai tahap yang luar biasa, dengan lapan pemimpin jurulatih, 16 jurulatih kanan, 164 jurulatih, 127 jurulatih pelatih dan 655 rakan pembelajaran. Secara ketara, 78 peratus daripada sekolah rendah dan menengah kerajaan mempunyai jurulatih berauliah di sekolah mereka, manakala sekolah selebihnya mempunyai guru yang sama ada sedang menjalani latihan atau akan dilatih tidak lama lagi, untuk menjadi jurulatih yang menekankan penerimaan dan impaknya yang meluas di seluruh landskap pendidikan negara. Kemajuan luar biasa ini menjadi bukti komitmen Negara Brunei Darussalam, untuk memupuk budaya penambahbaikan berterusan dan memperkasakan pendidik untuk memacu perubahan positif dalam amalan pengajaran dan pembelajaran.

Objektif seminar tahun ini berfungsi sebagai pelan hala tuju kami - peta jalan yang membimbing kami dalam memupuk budaya kejurulatihan, yang berakar umbi dalam

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

empati, kerjasama dan usaha berterusan untuk mencapai pertumbuhan. Kami berusaha untuk memupuk kemahiran dan kecekapan yang akan memperkasakan pendidik kami untuk melaksanakan perubahan transformasi holistik, mengukuhkan amalan pendidikan melalui penyelidikan dan data, dan untuk memanfaatkan kuasa teknologi, meningkatkan bimbingan dan menangani cabarannya secara berterusan.

Kami bertuah kerana mempunyai Profesor Madya Ng Pak Tee dari National Institute of Education (NIE), Nanyang Technological University (NTU), Singapore, sebagai penceramah utama kami. Ucapan beliau mengenai 'What is Teaching Excellence? How can Coaching help achieve this?' secara langsung berkaitan dengan tema acara hari ini dan saya harap akan memberi inspirasi kepada kita semua.

Bimbingan pengajaran terbukti sebagai alat yang berkuasa untuk pembangunan pendidik dan meningkatkan prestasi pelajar. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Ng atas kesudian beliau mengendalikan Kelas Induk mengenai 'Collaborative strategies to Embed and Sustain Coaching Practices in School.' Kepakaran dan bimbingan beliau sudah pasti akan memberikan pandangan yang tidak ternilai, yang akan membantu kita ke arah menerapkan amalan bimbingan di sekolah-sekolah kita.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG

24 JUN 2024

SIDANG PENGARANG

Lahirkan generasi celik Al-Quran

AL-QURAN adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan diturunkan sebagai pegangan, pedoman dan petunjuk buat sekalian manusia agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kita untuk memelihara, menjaga dan mempertahankan kesucian dan kebenarannya hingga ke akhir zaman.

Pembelajaran dan pemahaman mata pelajaran Al-Quran perlulah diperkasakan kepada semua murid sekolah ugama dan pelajar-pelajar sekolah menengah dan sekolah Arab sebelum mereka melanjutkan pelajaran ugama ke peringkat yang lebih tinggi.

Ke arah melahirkan murid-murid Muslim yang sejati, pelbagai usaha untuk mempertingkatkan lagi pembacaan Al-Quran bagi murid-murid sekolah ugama dengan beberapa inisiatif, aktiviti dan program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan seperti mengadakan pertandingan membaca hafaz-hafaz surah, mengkhatafkan Al-Quran sebelum menamatkan pembelajaran di sekolah ugama dalam Darjah VI dan sebagainya.

Dengan usaha yang komprehensif dan menyeluruhi, diharapkan dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja celik Al-Quran dari segi bacaan tetapi juga dari segi pemahaman dan pengamalan dalam kehidupan sehari-hari.

Menjadi celik Al-Quran bermaksud memiliki pemahaman yang mendalam dan kemampuan dalam membaca, memahami serta mengaplikasikan ajaran Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari.

Generasi Al-Quran yang hendak diwujudkan itu nanti merupakan generasi yang serba tahu dan serba boleh, generasi yang mempunyai kemahiran tinggi tentang ilmu-ilmu Al-Quran serta memahami Al-Quran sebagai kitab panduan untuk memandu manusia ke jalan yang lurus.

Dengan mempunyai kemahiran yang tersebut akan mewujudkan generasi celik Al-Quran dan sebagai *role model* kepada generasi akan datang dengan disampiri akhlak yang tinggi dan mempunyai peradaban hidup sebagai Muslim yang beretika, bergerak dan bertindak berpandukan Al-Quran.

Sama-sama kita menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

"Al-Quran tidak syak lagi adalah sumber keberkatan dan kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya. Sebab itu Negara Brunei Darussalam tidak boleh berenggang dari Al-Quran. Lalu untuk itu, dalam pendidikan pun, mata pelajaran Al-Quran dimartabatkan menjadi mata pelajaran wajib". - Ketua Penyuntingan (Na)

WAKTU SEMBAHYANG											
Jun	MASHTI	HARI	Zulhijah	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	ISNIN	17	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51	
25	SELASA	18	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51	
26	RABU	19	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51	
27	KHAMIS	20	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51	
28	JUMAAT	21	4 . 37	4 . 47	6 . 11	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52	
29	SABTU	22	4 . 37	4 . 47	6 . 12	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52	
30	AHAD	23	4 . 37	4 . 47	6 . 12	6 . 36	12 . 25	3 . 51	6 . 36	7 . 52	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN	SELASA	RABU
<small>Bandar Seri Begawan</small>		
33 24 °C	33 26 °C	32 25 °C
<small>Pekan Bangar</small>		
31 24 °C	33 25 °C	32 25 °C
<small>Pekan Tutong</small>		
32 25 °C	33 25 °C	32 26 °C
<small>Kuala Belait</small>		
31 24 °C	33 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Amal

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri
Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Amal sempena Hari Polo Amal 2024 yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club. Berangkat sama pada kejohanan tersebut ialah paduka anakanda dan cucunda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

>> Muka 1

Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.

Berangkat sama pada kejohanan tersebut ialah paduka-paduka anakanda, adinda dan cucunda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah serta Yang Teramat

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Kejohanan Polo Amal pada kali ini menyaksikan tiga pasukan berentap bagi merebut trofi kemenangan iaitu Pasukan Lions, Tigers dan Bears.

>> Muka 4



BERKENAN berangkat menyertai perlawanan ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah yang mewakili Pasukan Lions.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan Kejohanan Polo Amal sempena Hari Polo Amal 2024 yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club (atas). Sementara gambar kanan, antara persembahan menarik daripada warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dari Pasukan Lions dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dari Pasukan Bears.

>> Muka 3

Berkenan berangkat menyertai perlawanan ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah mewakili Pasukan Lions.

Manakala paduka adinda baginda, Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan menyertai Pasukan Bears.

Turut menyertai Pasukan Bears, anakanda DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Pada perlawanannya tersebut, Pasukan Lions berjaya menjulang trofi kemenangan setelah mengalahkan Pasukan Tigers dan Bears, masing-masing dalam dua *chukker* perlawanannya.

Pada perlawanannya pertama, menyaksikan Pasukan Lions menewaskan Pasukan Tigers dengan kiraan 4 - 0, manakala dalam perlawanannya kedua, Pasukan Tigers sekali lagi tewas kepada Pasukan Bears dengan kiraan 1 - 2.

Kemudian pada perlawanannya ketiga, menyaksikan Pasukan Lions mengalahkan Pasukan Bears dengan kiraan 3 - 1. Dengan keputusan tersebut, Pasukan Bears berada tempat kedua dan tempat ketiga diraih oleh Pasukan Tigers.

Pada kejohanan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Kejohanan Polo Amal yang dianjurkan oleh Pasukan Polo Brunei dengan kerjasama Persatuan Polo Diraja Brunei dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam itu juga turut dimeriahkan dengan karnival, disertai oleh pengusaha-pengusaha jualan makanan dan minuman tempatan, di samping pelbagai Aktiviti Fun Game untuk disertai oleh para pengunjung yang membanjiri acara tersebut sejak dari jam 12.00 tengah hari lagi.

Para pengunjung turut dihiburkan dengan beberapa persembahan menarik daripada warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam. Selain itu, kejohanan tersebut juga dimeriahkan lagi dengan cabutan nombor bertuah bagi pemegang-pemegang tiket yang berpeluang memenangi pelbagai hadiah eksklusif dan menarik yang disediakan oleh pihak penganjur.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dari Pasukan Lions (atas). Manakala gambar kanan, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah mewakili Pasukan Lions berkenan berangkat menyertai perlawanan. Sementara gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan kejohanan tersebut.



>> Muka 5

KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan penyampaian trofi kepada juara Kejohanan Polo Amal, iaitu Pasukan Lions.

>> Muka 4

Kesemua hasil kutipan pada Hari Polo Amal 2024 ini nanti akan disalurkan sepenuhnya ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam untuk dimanfaatkan oleh warga serta orang-orang berkeperluan khas, dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka.

Pusat Ehsan merupakan sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan, ditubuhkan bukan untuk meraih keuntungan dan sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan lebih baik kepada masyarakat, terutamanya kepada kanak-kanak istimewa di bawah jagaan pusat berkenaan



dalam menyediakan pendidikan berkualiti, latihan vokasional dan perkhidmatan pemulihan bagi

individu kurang upaya dan kurang intelektual.

Organisasi berkenaan juga

berperanan untuk membimbing orang-orang muda, melatih dan mendidik mereka ke arah

pembelajaran, kebebasan dan saling berdikari, dengan hasil pembangunan mental dan fizikal diri juga membantu mereka untuk menyesuaikan diri dalam kalangan keluarga mereka dan masyarakat sosial.



ANTARA aksi perlawanan di antara Pasukan Lions menentang Pasukan Bears (kiri), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kejohanan Polo Amal yang dianjurkan oleh Pasukan Polo Brunei dengan kerjasama Persatuan Polo Diraja Brunei dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam itu juga turut dimeriahkan dengan karnival, disertai oleh pengusaha-pengusaha jualan makanan dan minuman tempatan.



DPMM FC TERIKAT SERI 3 - 3

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat bagi menyaksikan perlawanan Liga Pertama Singapura di antara DPMM FC menentang Pasukan Geylang International FC. Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



BERAKAS, Sabtu, 22 Jun. - Penyokong skuad kebangsaan negara, DPMM FC terpaksa berpuas hati apabila keputusan seri 3-3 semasa menentang

Pasukan Geylang International FC (GIFC) dalam perlawanan Liga Pertama Singapura yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.



ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Pasukan Geylang International FC (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kanan, DPMM FC semasa bergambar ramai. Sementara gambar bawah kiri, para penyokong yang hadir memberikan sokongan.



Berangkat bagi sama-sama memberikan sokongan moral kepada skuad kebangsaan negara yang kali pertama bermain di Negara Brunei Darussalam pada musim ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Turut berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahra' Raihaanul Bolkiah.

Gawang pasukan negara mula goyah dengan pasukan pelawat menyumbat gol pertama menerusi pemain jersi 17, Naquiddin Eunos pada minit ke-16. Selang lima minit kemudian, GIFC terus mengasak kubu pertahanan DPMM FC dengan tambahan satu gol lagi hasil rembatan jersi 5, Rio Sakuma.

Ketinggalan 0-2, anak buah Rui Capela setentunya mulai resah dan seterusnya nekad untuk menggonggong pertahanan GIFC dan akhirnya berhasil apabila Ketua Pasukan, Azwan Ali Rahman berjaya menjaringkan gol pertama bagi pasukannya pada minit ke-26.

Belum lama penonton meraikan gol pertama DPMM FC, Tomoyuki Doi tidak melepaskan peluang menambah satu lagi jaringan buat GIFC dan keputusan 1-3 belum berpihak kepada skuad kebangsaan negara dan kkal sehingga tamat permainan separuh masa pertama.

Bersambung separuh masa kedua, corak permainan DPMM FC mulai menunjukkan perkembangan lebih baik sehingga pasukan pelawat rasa goyah dan tertekek sejurus Hakeme Yazid berjaya menghadiahkan satu gol menerusi sepakan penalti pada minit ke-76.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah terus riuh dengan sorakan penonton sekali gus menaikkan semangat Pasukan DPMM FC sehingga membolosi gawang pertahanan GIFC dengan gol penyamaan apabila Julio Cruz menjaringkan gol pada minit ke-80 yang setentunya merubah keputusan seri 3-3 berkekalan sehingga wisel penamat dibunyikan.

Pasukan DPMM FC akan terus memburu kemenangan selanjutnya dalam Liga Pertama Singapura dan akan beradu tenaga menentang Pasukan Tanjong Pagar pada 29 Jun ini nanti.

Setentunya penyokong tegar DPMM FC akan terus memberikan semangat dan berdoa agar para pemain DPMM FC akan terus memperbaiki permainan dan prestasi cemerlang untuk terus mengungguli di atas tangga carta liga.



MEMASTIKAN PROGRAM INTERAKTIF MENGGABUNGKAN SAINS, TEKNOLOGI

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah seterusnya bersabda, PPPBD juga akan belajar mengenai Genetic Influences, Explore DNA Mode, Solar Oven dan membuat sabun dan kristal mereka sendiri.

Aktiviti-aktiviti tersebut, sabda Yang Teramat Mulia, dijangka memberi pemahaman kepada PPPBD tentang proses dalam pengeluaran daripada bahan mentah kepada produk yang boleh dipasarkan.

"Perjalanan kerjasama, inovasi dan tujuan dikongsi bersama yang ditunjukkan hari ini harus diteruskan dan

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan mengurniakan sabda.

saya berharap lebih ramai rakan strategik kita akan tampil untuk bekerjasama demi kebaikan Ahli-ahli PPPBD dan masyarakat," sabda YTM lagi.



Berkenan melancarkan Tech Changemakers



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat pada pelancaran Tech Changemakers (kiri dan kanan).

JERUDONG, Ahad, 23 Jun. - Ke arah mempergiat aktiviti Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dalam dasar pendidikan yang menjurus kepada bidang sains dan teknologi, sehubungan itu, persatuan berkenaan dengan kolaborasi dan sokongan sebuah syarikat swasta menganjurkan Tech Changemakers yang berlangsung di Park View Hotel, Kampung Jerudong, di sini, pada petang ini.

Berkenan berangkat bagi menyempurnakan pelancaran Tech Changemakers tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Dipertua PPPBD.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dijunjung oleh Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali dan Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Kesukuran oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ghani.

Naib Yang Dipertua PPPBD dalam sembah alu-aluannya menyembah mengenai Projek Tech Changemakers. Inisiatif itu sembahnya, adalah selaras dengan wawasan Yang Teramat Mulia untuk memperkasakan Ahli-ahli PPPBD dengan pengetahuan

dalam sains dan teknologi, sambil memupuk persekitaran yang menyeronokkan dan positif untuk Pandu Puteri menjadi cekik teknologi.

"Aktiviti-aktiviti pada petang ini berfungsi sebagai program perintis, yang di rancang untuk diperluaskan kepada Ahli-ahli Pandu Puteri di sekolah-sekolah di semua daerah. Melalui cabaran ini, ahli-ahli akan berpeluang untuk memperoleh lencana, sebagai simbol pencapaian dan kebanggaan mereka, yang akan dipakai pada uniform mereka," sembahnya lagi.

"Aktiviti ini juga bersesuaian dengan dan penuhi rancangan World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) iaitu Growing and Learning," ujar Naib Yang Dipertua PPPBD menjelaskan.

Dengan dorongan dan kepimpinan YTM yang tidak berbelah bahagi sembahnya, PPPBD, insyaAllah, akan terus berkembang, memberi impak yang signifikan dan relevan kepada masyarakat kita.

Majlis diteruskan dengan



NAIB Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali dalam sembah alu-aluannya (atas kiri). Sementara gambar atas tengah, penerangan ringkas mengenai pengenalan Tech Changemakers disampaikan oleh Pengarah Urusan Tech Changemakers, Daisy Radford. Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

penerangan ringkas mengenai pengenalan Tech Changemakers yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Tech Changemakers, Daisy Radford. Sejurus selepas itu, YTM berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya berkenan merasmikan Tech Changemakers.

Majlis diikuti dengan penyampaian patches kepada para peserta yang disempurnakan oleh YTM. Seterusnya YTM berkenan menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil penaja. Bagi memberkati majlis bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM dijunjung bagi santap dan seterusnya menyaksikan cabaran Tech Changemakers yang disertai oleh para peserta yang terdiri daripada 57 Ahli PPPBD daripada 10 buah sekolah-sekolah menengah dan institut pengajian tinggi seluruh negara menyertai aktiviti tersebut.

Peserta-peserta terdiri daripada mahasiswa, penuntut-penuntut dan guru-guru dari Universiti



Islam Sultan Sharif Ali, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Bilah, Pusat Tingkatan Enam Meragang, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Berakas, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Antara aktiviti yang diadakan iaitu para peserta bersama kumpulan masing-masing berkesempatan mendalamai pemahaman tentang DNA dan mencipta model DNA.

Para peserta juga akan mempelajari fungsi kapilar dengan membuat perhatian pergerakan air melalui proses penyepaman. Para peserta juga berpeluang untuk mengukur kapasiti paru-paru masing-masing dan membuat hipotesis dan akhir sekali membuat pengiraan density menggunakan beberapa objek harian dengan mengkaji data mass dan volume.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan

berfungsi sebagai program perintis yang dirancang kepada Ahli-ahli Pandu Puteri di sekolah-sekolah di semua daerah, bersesuaian dengan garis panduan WAGGGS iaitu Growing and Learning.

Melalui cabaran ini, ahli-ahli akan berpeluang untuk memperoleh lencana, sebagai simbol pencapaian dan kebanggaan mereka, yang akan dipakai pada uniform mereka. Oleh yang demikian, penyertaan ahli-ahli dalam aktiviti ini akan dapat mengembangkan kemahiran kepimpinan, meningkatkan keyakinan diri, berkebolehan berinteraksi dengan baik dan membuat keputusan dalam kerja berkumpulan.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mempergiat aktiviti Ahli-ahli Pandu Puteri dalam menyumbang kepada perkembangan sains dan teknologi di era globalisasi masa kini. Melalui aktiviti yang dijalankan dapat mewujudkan persekitaran yang kolaboratif, inovatif dan positif untuk para peserta celik dalam sains dan teknologi.



YDP NEGERI SARAWAK KUNJUNGI MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
 Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar and isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi semasa mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja dan seterusnya bergambar ramai (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi petang tadi mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Turut mengiringi Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi ialah

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Pengiring.

Hadir mengalau-alukan ketibaan rombongan ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan. Sebelum



mengakhiri lawatan, Tuan Yang Terutama menandatangani Buku Lawatan dan menyertai sesi bergambar ramai.

Muzium Alat Kebesaran Diraja dirasmikan pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Muzium tersebut mengandungi empat buah galeri pameran iaitu Galeri Alat-alat Kebesaran Diraja dalam Istiadat Perpuspaan; Galeri

Pameran Diraja; Galeri Pameran Jubli Perak; dan Galeri Pameran Jubli Emas : Lima Dekad di atas Takhta Kerajaan.

Reka bentuk muzium ini menggabungkan ciri-ciri konsep Melayu Islam Beraja dengan mempamerkan alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja Negara Brunei Darussalam dan telah menjadi salah satu mercu tanda di Bandar Seri Begawan.

Ketibaan Yang di-Pertua Negeri Sarawak bagi kunjungan muhibah



KETIBAAN Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Menteri Pengiring (atas dan kanan).

>> Muka 1

Hadir bagi mengalau-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak berserta rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri

Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Pengiring, dan isteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,

Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri.

TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta rombongan berada di negara ini selama tiga hari bermula hari ini hingga 25 Jun 2024.

BARU



سوروهنجاۓ ڦرخمنٽ عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

Status: TIDAK DIPERAKUKAN

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.





Sila sahkan bahwa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak mepenuhi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Peringatan: Profil yang tidak lengkap akan ditolak. Sila sahkan maklumat dalam profil anda sebelum menghadapkan permohonan. Ingat! Jangan masukkan maklumat yang salah.

Nota: Maklumat yang dimasukkan dalam profil SPA tidak akan berfungsi jika maklumat yang dimasukkan dalam profil PSCR 2.0 tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur. Sila sahkan maklumat dalam profil SPA sebelum menghadapkan permohonan.

PERHAKIMAN: Permohonan yang dilakukan dengan maklumat yang lengkap, kemaskini, betul dan teratur akan diambil kira. Sila sahkan maklumat dalam profil SPA sebelum menghadapkan permohonan.

BERKORBAN UNTUK AGAMA ALLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Perkara tersebut antara inti pati Tazkirah bertajuk 'Berkorban Demi Agama' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Ahli Alumni Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Pengambilan Tahun 2006 dari Musolla ITQSHHB bagi menyerikan lagi Malam Munajat Kali Ke-140 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Acara Munajat diteruskan lagi malam tadi dengan mengundang Ataci Pelajaran dan Kebudayaan Pejabat Kedutaan Negara Brunei Darussalam (NBD) di Republik Arab Mesir juga Ahli Alumni ITQSHHB, Pengambilan Tahun 1993, Awang Haji Mohd Sujairi bin Haji Dollah selaku tetamu khas, yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Surau Bangunan Darussalam, Republik Arab Mesir.

Turut mengimarahkan acara Munajat malam tadi ialah warga kerja Pejabat Kedutaan NBD di Republik Arab Mesir dan para penuntut di Republik Arab Mesir.

Acara juga disemarakkan oleh para pelajar ITQSHHB; ahli

jawatankuasa takmir dan jemaah dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong dan dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat yang sebanyak 68 buah dari seluruh negara.

Turut serta, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang ikut serta secara maya.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqi'ah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran di ITQSHHB, Muhammad Nurhanis bin Ismail @ Md Taib, selaku Ahli Alumni ITQSHHB, Pengambilan Tahun 2003.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Tingkat 1, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, JHEM, Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad selaku Ahli Alumni ITQSHHB, Pengambilan Tahun 1996, dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Selesai tazkirah, acara disusuli dengan Zikir Al-Maghfirah Wa Al-Rahmah beramai-ramai dipimpin oleh bakal graduan Diploma 'Aliyah Qira'at, ITQSHHB, Awang Muhd Azib bin Muhd Azim dari Musolla ITQSHHB.

Sebelum mengakhiri acara, Doa



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Malam Munajat Kali Ke-140 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, JHEM, Awang Haji Muhammad Yadi bin Haji Yussof, selaku Ahli Alumni ITQSHHB, Pengambilan Tahun 2003, dari Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai

dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Taklimat beri kefahaman mendalam terhadap USMS



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

TAKLIMAT mengenai USMS bagi penduduk Mukim Berakas 'B' diadakan di Dewan 2 Jalan 77 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan. Turut hadir bagi mengikuti taklimat tersebut ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Belimbang.

tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan selaku Ketua Kampung Belimbang serta penghulu, ketua kampung, pemangku ketua kampung dan penduduk kampung di Mukim Berakas 'B'.

Selain untuk memberi kefahaman dan maklumat lanjut mengenai penggunaan meter baharu USMS tersebut, taklimat juga bertujuan menerangkan cara penjimatan penggunaan bekalan elektrik dan air. Pada akhir taklimat tersebut, para penduduk Mukim Berakas 'B' juga berpeluang mengajukan soalan semasa sesi soal jawab.

LAMBAK KANAN, Ahad, 23 Jun. - Ke arah memberikan kefahaman lebih mendalam dan maklumat lanjut mengenai penggunaan meter baharu Sistem Meter Pintar

Bersepadan (Unified Smart Meter System - USMS), satu taklimat mengenai USMS bagi penduduk Mukim Berakas 'B' telah diadakan di Dewan 2 Jalan 77 Rancangan

Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, di sini.

Taklimat disampaikan oleh perwakilan daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan

Perkhidmatan Air dan DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) bagi Program Penggantian Mandatori kepada USMS.

Turut hadir bagi mengikuti taklimat



ANTARA yang hadir mendengarkan taklimat (kiri), manakala gambar atas, penggunaan meter baharu USMS.

KEPENTINGAN ILMU PENGURUSAN JENAZAH



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Pelancaran Kursus Latihan Kemahiran Penggapai yang berlangsung di Jame' Asr Hassanil Bolkiah.

Abdullah Kampung Kulapis pada setiap Ahad bermula dari 23 Jun hingga 14 Julai 2024.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Kursus Latihan Kemahiran Penggapai disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim berlangsung di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Semasa berucap pada majlis tersebut, Awang Haji Mohammad Rosli berkata bahawa pengurusan jenazah merupakan salah satu ibadah yang dikategorikan sebagai Fardhu Kifayah. Tuntutan ini apabila telah disempurnakan oleh satu kumpulan atau individu, maka terlepaslah kewajipan kumpulan atau individu yang lain itu.

Jelas beliau, pada lazimnya apabila seseorang telah kembali ke rahmatullah, penyempurnaan jenazah akan diserahkan pengurusannya kepada imam-imam, jawatankuasa takmir masjid ataupun penggapai-penggapai yang dilantik.

Oleh itu tambahnya, perlu diketahui dan difahami bahawa adalah afdal (utama) pengurusan jenazah itu diuruskan oleh ahli waris yang mempunyai kemahiran dan ilmu yang mencukupi dalam menguruskan arwah dengan sebaik-baiknya.

"Justeru setiap individu perlu mempelajari kaifiat pengurusan jenazah yang betul dan memantapkan diri agar dapat melaksanakan amal bakti berterusan kepada ahli keluarga khususnya dan masyarakat Islam amnya bagi memastikan tanggungjawab Fardu Kifayah ini dapat dilaksanakan mengikut kehendak syariat Islam," jelas Awang Haji Mohammad Rosli.

Majlis juga diselanjurkan dengan sesi pertama pembelajaran secara teori yang disampaikan oleh Awang Haji Amynoor bin Haji Muhammad Ya'akub.

Kursus tersebut dikendalikan oleh 10 orang tenaga pengajar terdiri daripada pegawai-pegawai dan penggapai di bawah KHEU dengan kerjasama ahli jawatankuasa dan para sukarelawan terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Objektif utama kursus tersebut adalah bagi membantu Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menangani masalah yang dihadapi pada masa kini iaitu kekurangan tenaga penggapai yang mahir dalam ilmu pengetahuan tentang pengurusan jenazah mengikut syariat Islam dan sekali gus membantu dan membuka peluang pekerjaan kepada warga Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam terutama sekali dalam kalangan belia.

HALUAN

>> Muka 2

Jurulatih pengajaran memainkan peranan penting di sekolah kita sebagai pemangkin kepada perubahan, membimbing para pendidik ke arah menerima amalan pengajaran inovatif yang bukan sahaja memberikan pengetahuan tetapi juga memupuk kemahiran penting Abad Ke-21. Mereka berfungsi sebagai mentor dan panduan, memperkasakan pendidik untuk menyampaikan pengajaran diperibadikan yang memenuhi pelbagai keperluan pelajar. Walau bagaimanapun, hanya dengan arahan strategik dan sokongan daripada pemimpin sekolah, jurulatih pengajaran kita akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk berjaya dalam memperjuangkan pendidikan berkualiti yang saksama. Sudah pasti jurulatih pengajaran dan sinergi pemimpin sekolah yang memacu sekolah kita ke arah kecemerlangan.

Justeru, marilah kita semua di sini menegaskan komitmen kita terhadap kecemerlangan dalam pendidikan, bagi memastikan setiap pelajar mempunyai pengetahuan, kemahiran dan minda yang diperlukan untuk berkembang maju dalam dunia hari esok. Saya amat berbesar hati untuk menyatakan bahawa terdapat barisan ucaptama, kelas induk dan sesi pleno yang menarik serta bengkel interaktif menanti kita hari ini dan esok.

Dengan rasa bangga dan gembira kami mengucapkan tahniah kepada kohort Peringkat 1 graduan Program Pakar Pendidikan. Sepanjang program yang ketat ini, awda telah menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk mengasah kepakaran awda dan mengembangkan pengetahuan awda dalam bidang masing-masing. Semoga awda terus memberi inspirasi dan memimpin dengan integriti, belas kasihan dan komitmen teguh untuk memupuk kecemerlangan pendidikan. Pencapaian awda menjadi bukti kerja keras dan keazaman awda dan kami tidak ragu-ragu, bahawa awda akan terus memberikan sumbangan bermakna kepada bidang pendidikan, memperkayakan kehidupan pelajar dan pendidik. Tahniah sekali lagi atas pencapaian yang luar biasa ini dan semoga usaha masa depan awda dipenuhi dengan kejayaan dan pencapaian yang berterusan.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada jawatankuasa kerja Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 2024 dan semua yang telah memberi sumbangan besar dalam penganjuran majlis ini.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmani Rahim* serta selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam, *Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidina Muhammad Wa 'Alaa Aali Sayyidinaa Muhammad*, dengan ini saya merasmikan Seminar Pakar Pendidikan Kali Ke-4 2024.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kifayah Management dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dan penaja utama iaitu Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn. Bhd.

Kursus tersebut akan diadakan selama empat minggu di beberapa buah masjid di Daerah Brunei dan Muara iaitu Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Kampung Pulaie, Masjid Al-Ameera Al-Hajjah Maryam dan Masjid Pehin Khatib

MoU tingkatkan kepakaran ahli akademik, industri



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid

JERUDONG, Sabtu, 22 Jun. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Makan Ceria Sendirian Berhad, pengendali McDonald's Brunei hari ini menjalin kerjasama baharu menerusi pemerintahan Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di McDonald's Jerudong, di sini. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan, pendidikan dan latihan dengan tumpuan khusus pada Program Sains dan Teknologi Makanan.

Menandatangani bagi pihak UTB ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman. Manakala Makan Ceria Sdn. Bhd. pula diwakili oleh Pengurusnya, Edzwan Zukri bin Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Adanan.

Melalui perkongsian ini, pelajar UTB akan mendapat pengalaman industri yang tidak ternilai dengan mengambil bahagian dalam penempatan industri dan projek

MENANDATANGANI bagi pihak UTB ialah Naib Canselor UTB manakala Makan Ceria Sdn. Bhd. pula diwakili oleh Pengurusnya, Edzwan Zukri bin Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Adanan.

penyelidikan bersama khususnya berkaitan sains dan teknologi makanan.

Selain itu, MoU memudahkan pertukaran kakitangan untuk lawatan sambil belajar, pengajaran dan latihan, memupuk pengetahuan dan kepakaran bersama antara ahli akademik dan industri.

Kedua-dua pihak telah komited untuk meneroka dan membangunkan inisiatif penyelidikan, seminar dan projek kerjasama dalam bidang kepentingan bersama seperti keselamatan makanan dan teknologi pemprosesan makanan. Usaha kerjasama ini bertujuan untuk memajukan pendidikan dan pembangunan profesional di Brunei khususnya dalam domain sains dan teknologi makanan.

MoU itu berkuat kuasa selama lima tahun dengan pilihan untuk memperbaharui, mengukuhkan komitmen jangka panjang UTB dan Makan Ceria Sdn. Bhd. terhadap perkongsian ini dan impak yang lebih luas terhadap industri dan akademik tempatan.

PGGMB MAINKAN PERANAN SIGNIFIKAN DALAM PERTUMBUHAN, EVOLUSI PENDIDIKAN



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan ketika berucap dan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-74, Sesi Pentadbiran 2023-2024 (atas kanan sekali, atas kanan dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 23 Jun. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) merupakan persekutuan yang berperanan penting dalam membantu pembangunan dan memartabatkan profesion perguruan di negara ini.

Selaras dengan visi dan misinya, sebagai sebuah persekutuan yang dedikasi dan berwibawa dengan menyatukan dan mengumpulkan para guru yang sedang berkhidmat mahupun yang sudah bersara.

Secara langsung PGGMB memainkan peranan yang signifikan dalam pertumbuhan dan evolusi pendidikan di negara ini melalui pengajuran dan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program sejak ditubuhkan hingga sekarang.

Perkara itu digariskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman ketika berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-74, Sesi Pentadbiran 2023-2024 yang diadakan di Dewan Sekolah PGGMB Sungai Akar, di sini.

Tambahnya, adalah diharapkan agar PGGMB akan terus berkembang dan relevan dalam sama-sama memperkasa landskap pendidikan negara secara amnya dan profesion guru secara khususnya.

Awang Aliuddin seterusnya mengetengahkan kerjasama antara Kementerian Pendidikan dan PGGMB yang telah lama wujud itu akan sentiasa diperkuuhkan dan dipertingkatkan menerusi penglibatan persekutuan berkenaan dalam Program Induksi Tenaga Pengajar Baru, Kementerian Pendidikan.

"Penglibatan ini bukan saja sebagai platform untuk memperkenalkan PGGMB dan menarik minat tenaga-tenaga pengajar baru untuk menyertai atau terlibat dalam kegiatan persekutuan, tetapi ia juga dapat

dijadikan sebagai wadah pencetus semangat dan motivasi kepada para tenaga pengajar baru dengan adanya penglibatan guru-guru lama yang telah banyak menyumbang dalam kemajuan sistem pendidikan di negara ini," ujarnya.

Terdahulu dalam ucapan aluan disampaikan oleh Yang Dipertua PGGMB, Haji Awang Abdul Alim bin Haji Awang Othman, mengongsikan aktiviti-aktiviti PGGMB sepanjang 2023-2024 antaranya Projek Menabung Sekolah-Sekolah PGGMB, Lawatan Jawatankuasa Tertinggi (JKTT) dan Jawatankuasa Tadbir (JKT) PGGMB ke rumah-rumah warga emas Ahli PGGMB, penyertaan PGGMB dalam ASEAN Council of Teachers (ACT+1) di Bangkok Thailand pada September akan datang, dan perjanjian kerjasama antara PGGMB Travel Services Sdn. Bhd. bersama Nawwarah Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Bani Enterprise telah dimeterai.

Juga dikongsikan cadangan dan perancangan persediaan program 15 tahun akan datang bagi meraikan Penubuhan PGGMB Ke-100 Tahun (pada tahun 2039), Majlis Doa Selamat sempena 85 Tahun PGGMB sekali gus pelancaran Tabung Dana Wakaf Pembinaan Masjid PGGMB, Projek Rumah Kos Rendah bagi ahli dan keluarga PGGMB, Sekolah bagi Kanak-kanak Pekak PGGMB Negara Brunei Darussalam serta pilihan raya bagi jawatan JKTT PGGMB seramai lima orang.

Justeru, Yang Dipertua PGGMB berharap agar semua Ahli-ahli PGGMB dapat memberikan komitmen bersama demi perkembangan mengikut Perlembagaan PGGMB, sekali gus menyepakati dasar-dasar yang sedia ada dan memantapkan komitmen dalam semua hal dengan jujur dan ikhlas.

Pada majlis itu juga menyaksikan dua ahli veteran PGGMB diberi penghormatan untuk menerima

Anugerah Ahli Tertua PGGMB 2024 sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan PGGMB Ke-85 kerana masih menganggotai Ahli PGGMB hingga sekarang.

Mereka ialah Awang Haji Tengah bin Aman berusia 92 tahun yang telah menjadi Ahli PGGMB sejak 1967, dan penerima kedua ialah Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Cikgu Haji Muhd Taha bin Abd Rauf, 91 tahun yang telah menjadi ahli sejak 1967.

Anugerah-anugerah tersebut disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat juga seterusnya berkesudian menyampaikan sijil dan Hadiah Pelajar Cemerlang kepada seramai 16 pelajar daripada sekolah-sekolah PGGMB yang memperoleh 5A dalam Peperiksaan PSR Tahun 2023.

Acara diakhiri dengan Lagu Rasmi PGGMB 'Semangat Guru'.

Majlis dihadiri oleh kira-kira seramai 350 orang yang terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dr. Haji Mahali bin Haji Momin; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Tadbir PGGMB; jemputan-jemputan khas;

ahli-ahli perwakilan mesyuarat; guru-guru besar; guru-guru; serta ibu bapa dan murid-murid.

PGGMB yang ditubuhkan dalam tahun 1939 merupakan sebuah badan NGO tertua di negara ini yang mempunyai keahlian hampir 3,000 orang, dan persekutuan ini sentiasa bergerak aktif dalam pelbagai aktiviti berkebajikan dan kemasyarakatan serta bergiat aktif dalam menyertai persidangan dan konvensyen yang diadakan di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Dalam pada itu, Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan setiap tahun disertai oleh Ahli-ahli Perwakilan yang mewakili enam Cawangan PGGMB daripada setiap daerah.

Sesi mesyuarat membentangkan laporan-laporan dan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan sepanjang tahun, termasuk sesi soal jawab dibukakan kepada ahli-ahli perwakilan, pengesahan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Sesi Pentadbiran 2022-2023.

IHP Mei 2024 menurun 0.2 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 22 Jun. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Mei 2024, menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding bulan Mei 2023. Ini adalah didorong oleh penurunan bagi indeks bukan makanan sebanyak 0.6 peratus. Manakala indeks makanan dan minuman ringan meningkat sebanyak 1.6 peratus.

Penurunan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya disebabkan oleh harga-harga Perhubungan (2.8 peratus), khususnya perkhidmatan internet; dan Pengangkutan (1.6 peratus) berikutan penurunan bagi harga tiket penerbangan.

Sementara itu, peningkatan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah didorong oleh kenaikan harga minuman ringan (10.6 peratus) khususnya minuman yang sedia untuk diminum; dan harga susu, produk tonusu serta telur (3.5 peratus).

Berbanding bulan April 2024, IHP bagi bulan Mei 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus, berikutan peningkatan bagi indeks makanan dan minuman ringan; dan indeks bukan makanan masing-masing sebanyak 0.1 peratus dan 0.3 peratus. Peningkatan indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga sayur-sayuran (0.8 peratus); dan daging (0.3 peratus).


Demikian antara yang diperjelaskan dalam Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai IHP bagi bulan Mei 2024 di Negara Brunei Darussalam.

Dalam Siaran Akhbar tersebut juga memperjelaskan bahawa

dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

جاتن فرانچن ايكونومي دان ستاتistik
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM



MPM PEKAN TUTONG ANJUR FORUM HARI KELUARGA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Keluarga bagi Mukim Pekan Tutong (kanan), manakala gambar bawah kiri, ahli-ahli panel forum berkenaan.

Mei setiap tahun pada peringkat kebangsaan.

Justeru, MPM Pekan Tutong turut serta bagi sama-sama menyambut sambutan berkenaan pada peringkat mukim atau pada peringkat akar umbi dengan mengendalikan Forum Sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2024 yang berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada Yang Dipertua Persatuan



Kaunseling Brunei Darussalam (PERKAB), Mejari (B) Rusli bin Bujang dan Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong manakala Dayang Hajah Rusni binti Tunggal selaku moderator forum.

Antara lain tujuan forum diadakan bagi menyahut seruan memperkuatkannya institusi kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam yang mana institusi keluarga adalah satu komponen penting dalam kehidupan seharian.

TUTONG, Sabtu, 22 Jun. - Perundingan Mukim (MPM) Sambutan Hari Keluarga bagi Mukim Pekan Tutong dalam sama-sama memeriahkan Hari Keluarga yang disambut setiap awal bulan salah satu inisiatif Ahli-ahli Majlis

Platform berkongsi pandangan ke arah mewujudkan dunia bebas dadah



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Forum Global Ke-4 Bagi Kepimpinan Belia Dalam Pencegahan Penggunaan Dadah akan diadakan selama lima hari bermula pada 24 hingga 28 Jun 2024 di Thessaloniki, Greece yang dikelolakan oleh Drug Advisory Programme (DAP), Colombo Plan, International Society of Substance Use Professionals (ISSUP) dan the inter-American Drug Abuse Control Commission (CICAD).

Dua belia telah berjaya dipilih mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menghadiri forum berkenaan.

Pencalonan belia berkenaan adalah hasil kerjasama antara Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.

Delegasi NBD yang terdiri daripada mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Asrul Akmal bin Shahrur dan Dayang Nur Izzati Nazatul Aqilah binti Junaidi, mahasiswa dari Universiti Teknologi Brunei telah berlepas ke Greece, hari ini.

Siaran Akbar dan Foto :
Biro Kawalan Narkotik

Turut bersama mengiringi ialah seorang pegawai daripada BKN, Dayang Eve Sulrianah binti Sulaiman.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Pengarah BKN, Awang Zainol Adi bin Haji Ajmain.

Forum yang telah diselenggarakan sejak 2014 berkenaan akan mengumpulkan seramai 70 mahasiswa dan mahasiswi dari negara-negara antarabangsa pada tahun ini.

Tujuan forum berkenaan diadakan adalah untuk pemimpin belia di seluruh dunia memahami dan menyedari akan pentingnya dalam memainkan peranan, melaksanakan dasar dan intervensi dengan merangka pelan tindakan pencegahan dadah dalam memimpin *youth-led school-based community*.

Forum berkenaan adalah satu platform bagi belia berkongsi pandangan, cabaran dan pendekatan inovatif untuk bersama berusaha di peringkat global ke arah mewujudkan dunia bebas dadah.

Pelajar yang dipilih diharap akan menjadi pemimpin belia secara aktif dalam menyumbang kepada usaha pihak BKN untuk bersama menjalankan aktiviti pencegahan pendidikan dadah yang menjurus kepada belia di negara ini.



DUA belia berjaya dipilih mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menghadiri Forum Global Ke-4 Bagi Kepimpinan Belia Dalam Pencegahan Penggunaan Dadah akan diadakan selama lima hari bermula pada 24 hingga 28 Jun 2024 di Thessaloniki, Greece (atas kiri dan kiri).

MEMBARIGAKAN MAKLUMAT SEMASA DALAM PROGRAM SUA MUKA



PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah hadir selaku ketua rombongan Jabatan Penerangan.

dapat memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung untuk bertukar fikiran dan pandangan dalam usaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan kampung dan juga Negara Brunei Darussalam. Adalah diharapkan program seumpama ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa.

Program Sua Muka turut diisikan dengan perkongsian maklumat daripada agensi-agensi kerajaan yang diundang dan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan antara lain berkaitan dengan tapak-tapak tanah, pertanian, keselamatan, prasarana, perumahan, kemudahan awam dan perancangan kemajuan kampung.

Program Sua Muka juga diselitkan dengan penjualan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan sendiri dan majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Sabtu, 22 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri terus komited dalam usahanya untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, meneruskan lagi Program Sua Muka ke Kampung Amo, Mukim Amo, Daerah Temburong yang diadakan di Rumah Panjang Amo 'B', Jalan Batang Duri, Temburong.

Hadir selaku ketua rombongan Jabatan Penerangan ialah Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah yang disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Beliau antara lain mengongsikan pesanan awam mengenai penyebaran maklumat palsu (*false news*), impaknya dan juga tatacara untuk membuat laporan mengenainya.

Awang Haji Fathi Foad dalam mukadimah beliau telah menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa juar maklumat, dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program Sua Muka ini jelas beliau adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang diharatkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarangakan

maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Sementara itu, Ketua Kampung Amo, Awang Hujan anak Muit dalam ucapan balas menyambut baik program berkenaan yang setentunya dapat memberikan manfaat dan peluang keemasan kepada penduduk kampung berkenaan untuk mendengar maklumat-maklumat terkini yang disampaikan oleh agensi-agensi kerajaan dalam mengungkayahkan penyelesaian tentang beberapa isu yang dikemukakan dan perluketahui oleh penduduk kampung.

Menurut beliau, usaha ini merupakan platform yang berguna

dalam menyampaikan maklumat yang jelas dan betul daripada pihak kerajaan kepada masyarakat kampung dan sekali gus membantu mengukuhkan hubungan erat antara pihak kerajaan dan penduduk kampung.

Sesi dialog bersama penduduk-penduduk kampung jelas beliau,



ANTARA yang hadir pada Program Sua Muka ke Kampung Amo, Mukim Amo, Daerah Temburong yang diadakan di Rumah Panjang Amo 'B', Jalan Batang Duri, Temburong.

Suntik semangat perpaduan ASEAN



KETUA Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail semasa menyampaikan Taklimat Kenali ASEAN (atas). Sementara gambar atas kanan, para pelajar berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Dalam hasratnya untuk membarangakan serta memberi pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan

Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, yang antara lain menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian

Jerayawara Kenali ASEAN bagi 282 pelajar Tahun 7 dan Tahun 8 Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) bertempat di Dewan Puteri sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, yang antara lain menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian

daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan

masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hal tuju negara satu masa nanti.

Pada sesi jerayawara berkenaan, para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.

Turut hadir, Timbalan Pengetua Pentadbiran dan Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Hajah Azizah binti Haji Abd. Rahman dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKANKenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
07 / JUNE / 2024 / KKBS / PJK /
16.10

Tajuk Tawaran:
Pengubhsuaian Dan
Penambahan Atap Bagi
Kegunaan Tempat Latihan Seni
Mempertahankan Diri
Di Kompleks Sukan Tutong
(Modification And Extension
Of New Roofing For Martial Arts
Practice Area,
Tutong Sports Complex,
Ministry Of Culture, Youth And
Sports, Brunei Darussalam)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
9 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / NV / TA /
03
Pemotongan Pakai Seragam
Bagi Anggota-Anggota Tentera
Laut Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 16 Julai 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKANKenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
08 / JMM / S / 12 / 91
(2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Bagi Membekal
Barang-Barang Alat Tulis Dan
Alat Pembersih Untuk Kegunaan
Semua Bahagian Dan Unit Jabatan
Muzium-Muzium

Bilangan Sebut Harga:
09 / JMM / S / 12 / 91
(2024 / 2025) - R

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Perkhidmatan Pengangkutan
Dan Pembuangan Sampah Bagi
Bangunan-Bangunan Di Bawah
Kawalan Jabatan Muzium-Muzium
Bagi Tempoh 24 Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 4 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2024 / T2(R)

Nama Tawaran:
To Develop And Operate
Restaurant For Local And
International Cuisines At Transit
Hall, Brunei International Airport

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2024 / T3

Nama Tawaran:
The Concession As An
Advertising Agency And Social
Media Management For Brunei
International Airport

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 03 /
2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
Penyewaan Tempat Perkhidmatan
Mesin Layan Sendiri
(Vending Machines) Di Bangunan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan
Selama Dua (2) Tahun

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 04 /
2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
Pest Control Services For 12
Months At Ministry Of Primary
Resources And Tourism Building

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 05 /
2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
To Supply, Design, Fabricate,
And Install Heavy-Duty Display
Cabinets At Bilik Jaringan, 5th
Floor Of The Ministry Of Primary
Resources And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 11 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 / DTU /
TA / 07
Penambahan Dan
Penambahbaikan Fiber Optic
Bagi Sistem Rangkaian Di
Perkhemanan Muara,
Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB)

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah **seminggu**
sebelum tarikh tutup tawaran iaitu
Selasa, 16 Julai 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 23 Julai 2024
2.00 Petang

JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

**Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 34 / UP
/ 06

Tajuk Sebut Harga:
To Apply An Install Solar RGB
Floodlight / Spotlight At Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 27 Jun 2024
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**

Seksyen Pemulihan Aset,
Bahagian Pengurusan
Pemuliharaan Estet,
Di Bangunan Blok 1 (B1)
Jabatan Bandaran Bandar Seri
Begawan,Tingkat 3
Flat Perumahan Kerajaan
Jalan Seri Beribi Gadong
BE1118, Bandar Seri Begawan

JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2024-2025 / 03

Tajuk Tawaran:
Designing, Construction,
Furnishing and Dismantling Of
Brunei Darussalam Pavilion And
Other Logistics For Tourism Expo
Japan, 26-29 September 2024,
Tokyo, Japan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 Julai 2024,
Jam 2.00 Petang

JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2024-2025 / 05

Tajuk Tawaran:
Term Contract For Social Media
Management And Content Creation

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 2 Julai 2024,
Jam 2.00 Petang





Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 41 / 2024

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Sepanjang 250 Meter Jalan Kecil Paya Teriti, Kampung Katimahar, Mukim Sengkurong, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 43 / 2024

Tajuk Tawaran:
Penyediaan Perkhidmatan Mesen Layan Diri Bagi Jabatan Daerah Brunei Dan Muara Serta Premis-Premis Di Bawah Kawalannya Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun.

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 44 / 2024

Tajuk Tawaran:
Membalikpulih 20 Tiang Dan Pak Konkrit Jambatan Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 9 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023-2024 / 01 (R)

Tajuk Tawaran :
Pencetakan Buku Panduan Pemandu Pelancong, Edisi Ketiga

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 27 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Supply and Delivery of Chemicals and Laboratory Consumables for The Quantification of Shrimp and Fish Diseases

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Supply and Delivery of IQ Real PCR Reagents for Detection and Quantification of Shrimp Viruses

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0006 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Supply and Delivery of DNA / RNA Extraction Chemicals and Reagents for Detection of Fish Diseases

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0007 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Supply and Delivery of PCR Positive Plasmid and Primer



سرداله سري

ميمبوت كتيبان ضيوف الرحمن

اياله (فربوتن) اورغ يع برتفوى دان កامو ماسوقله کرومہ-رومہ (کامو)
ملالوعي فيتوون. دان برتفوى له کفڈ الله سوقاي کامو برأوليه کمناغن.

کامفت: افیل هندق ماسوق کدام رومہ، جماعه حاج اداله دسوتنکن مجاج
دعاء: تُؤْتِنَا تُؤْتِنَا، لَرِبِّنَا أَوْنَا، لَا يَغْادِرْ خَوْنَا.

أرتين:

کورنياکنه توبه، کورنياکنه توبه، هان کفڈ توهن کامي ثفت کامي
كمبالي، کمبالي تشا منبعکلن سيارغ دوسا.

سلامين ايت، باکي مريک يع ميمبوت كتيبان ضيوف الرحمن سايلوون
مينتا کفڈ مريک يع بارو قولخ دري متويك عبادت حاج ايت اوتنوق
مندعاءکن، کران دعاء جماعه حاج ايت دنيلاي إستيميو، کران متريا
فعامون درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، اين سباکيمان حديث بكتدا ﷺ:
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْحَاجِ وَلِمَنْ اسْتَغْفِرْ لَهُ الْحَاجُ.

أرتين:

يا الله، امفونيله دوسا اورغ يع معرجاکن عبادت حاج دان دوسا
سياف سهاج يع دفوونکن کامفون اوليه اورغ يع معرجاکن عبادت حاج.

کليم: اداله إيلوق باکي کلوارك دان سودار-مارا جماعه حاج ايت ميدیاکن
وليمه اتاو کندوري سخارا سدرهان باکي مريک دان ميمبوت کلوارك
مريک يع بارو سهاج قولخ دري معرجاکن عبادت حاج دعن معيکوت
کممقوان ماسیع-ماسیع سباکي تند شکور.

جماعه يع درجمي الله،

دعن کتيبان قوم کلوارك اتاو سودارا مارا يع تله متونکن عباده حاج،
موده-مودهن کيت دافت منبعکلن کلامان دان کتفوأن، دسمقیع ملاھيرکن
راس فتوه شکور کران دافت ميمبوت مريک معيکوت اف يع داجارکن اوليه
أکام إسلام دان منحاوهي سکل فرکارا يع برنتاغن دعن عقيدة.

أخير، سام-سامله کيت بردعاه سموک جماعه حاج خاصن جماعه حاج
نکارا بروني دارالسلام کمبالي کنانه اير دعن سلامت دان مندافت حاج يع
ميرور بيات حاج يع دريما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان مقرأوليبي کباکن
هيدوف دنیا دان دأخیرة. آمين يا رب العالمين.

{سورة البقرة آية: ٢٠٠}

تفسير:

مك افیل کامو تله سلسایي معرجاکن عبادت حاج هندقله کامو برذکر
مغایعنه الله سباکيمان کامو دهولو میبوت-بیوت باش-بیوت (دان داتوق
نبینق) کامو بهکن برذکرله ليهه درقد ايت. دالم قد ايت اد انتارا مانسي يع
(بردعاه هان دعن) برکات: "يا توهن کامي! بريله کامي (کباکن) دنیا."
(اورغ این دریکن کباکن دنیا) دان تیدق اد باکین سديکيت فون کباکن
دأخیرة.

بارک الله لنا في القرآن العظيم، وَتَعَنَّا بِالْأَيَّاتِ وَالدُّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ
تَلَوَّتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ لِلَّهِ الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فَيَا قُوَّةَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَّا
الثَّانِيَنَ.

جماعه يع درجمي الله،
برتفوى له کيت كحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منبعکلن کلامان کفدن.

سعکوھن اورغ يع فالیع مليا دسیسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت اياله اورغ يع فالیع
برتفوى. موده-مودهن کيت منجادي إنسان يع سنتیاس مغایعنه الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، برأوله کجيأن دان کسلامن دنیا دان حوك دأخیرة.

جماعه يع درجمي الله،
الحمدله، تیدق لاما لاکي جماعه حاج نکارا کيت بروني دارالسلام اکن

كمبالي دري تانه سوجي مکه المکرمه. قد لازعن قوم کلوارك دان سانت-
سودارا مريک اکن برسیاف سدوا مغالو-لوکن کقولعن مريک دعن فتوه راس
شكور دان کمپيرا، بردارکن سنه، کقولعن جماعه حاج کنانه اير اداله ساعه
يع بوليه دسبوت إستيميو.

اوليه يع دمکین، کتیک کيت میبات فرسدیان میمبوت کتیبان ضيوف
الرحمن ایت، سام-سامله کيت برایشت-ایشت سوقاي سبوتن يع داداکن ایت
هندقله برسسواین دان تیدق برچفعکه دعن احجارن أکام إسلام. دالم أکام کيت
اد داجارکن اداب-اداب کتیک میمبوت کقولعن جماعه حاج، انتارا:

فرتام: دسوتنکن باکي جماعه حاج يع قولخ کنانه اير اوتنوق سیغکه کمسجد
يع فالیع دکت دعن رومهن باکي مندیریکن سبھیع سنۃ تربیه دهولو سبلوم
منجحتجکن کاكی کرومہ. درقد کعب بن مالک رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ تیدق اکن قولخ دري فلایران بکیندا کعوالی قد وقتو
سیاغ سیاس وقو ضحاء. مك افیل بکیندا قولخ (دری فلایران بکیندا)، مولا-

مولا سکالی بکیندا اکن فرکی کمسجد لالو معرجاکن سبھیع دوا رکعة
دسان. کمودین بکیندا اکن دودوق ددالن. {حدیث روایة إمام بخاری}

کلدو: کيت دسوتنکن اوتنوق برسلامن، برچابت تاغن دان برقلوکن سبلوم
جماعه حاج ماسوقي رومہ، سبیل مغونجکن: قَبْلَ اللَّهِ حَجَّلَ وَغَفَرَ ذَنْبَكَ
وَأَخْلَفَ نَفْقَتَكَ.

مقصودن:
سموك الله منيما عبادت حاج مو دان مقامونکن دوسامو سرنا
معکتیکن فرلنجان مو.

فرلو دایغت، بھاوا دالم برسلامن دان برقلوکن هندقله انتارا للاکي دعن
للراکي دان فرمقون دعن فرمقون سهاج. والاؤفن انتارا للراکي دان فرمقون
ترسیوت اد هوبوغن محram کران اداله تیدق مانیس دان تیدق إيلوق اي
دلاکوکن دخلایق رامای دان دخواتیری اکن منیمیولکن فته.

کتیک: جاغن ماسوقي رومہ دری بھاکن بلاکع رومہ، تناٹي هندقله ماسوقيں
دری فینتو ماسوق بھاکن هادفون رومہ ترسیوت. این بردارکن آیة ۱۸۹
دری سورة البقرة، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفمان:

تفسیر:
مريک برتان کفڈ مو (واهي نبی محمد) مثناي (فرایدرن) آنچ-آنچ بولن.
کاتاکنه: "(بھاوا فرایدرن) آنچ-آنچ بولن ایت اداله اوتنوق مندراکن وقو-
وقتو باکي (اوروسن دان عمالن) مانسي دان عبادت حاج." دان بوکنه ساتو
کباکن، کامو ماسوقي رومہ-رومہ دری بھاکن بلاکعن تناٹي کباکن ایت

MESYUARAT AGUNG KE-15 PEMODA

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) hari ini telah mengadakan Mesyuarat Agung (AGM) Kali Ke-15 bertempat di Mulia Hotel yang dihadiri oleh lebih 200 ahli persatuan berkenaan.

Semasa AGM tersebut, para ahli persatuan telah bersepakat untuk mengekalkan keempat-empat Ahli Jawatankuasa Tertinggi bagi Sesi 2024-2026 iaitu Pengiran Haji Redzuan Pengiran Haji Ahmad sebagai Yang Di-Pertua (YDP); Naib Yang Di-Pertua (NYDP), Awang Shahrin bin Shahbudin; Awangku Muhammad Nazih bin Pengiran Yussof sebagai Setiausaha Agung; dan Awang Haji Noor Aimee bin Haji Metamit selaku Bendahari Agung.

Sementara itu, jawatan bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja di bawah PEMODA akan dipilih oleh empat Jawatankuasa Tertinggi dan akan diumumkan kemudian.

Terlebih dahulu dalam ucapan yang disampaikan oleh YDP PEMODA, antara lain melahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan berterusan daripada ahli-ahli serta kesinambungan kepimpinan pelapor-pelapor, mantan-mantan YDP dan mantan-mantan ahli jawatankuasa tertinggi PEMODA yang terdahulu adalah merupakan kunci kejayaan serta peneraju hala tuju kepada pelaksanaan misi PEMODA untuk menyatakan penunggang-penunggang dan penggemar-penggemar motosikal berkuasa tinggi di negara ini dengan

membentuk satu pasukan yang bermutu tinggi untuk menyertai dan sekali gus mewakili negara bagi acara permotoran di rantau ini dan antarabangsa.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1996 katanya, PEMODA telah banyak melakar sejarah yang tersendiri.

"Menganjurkan dan menyertai aktiviti-aktiviti yang bersifat keugamaan, kenegaraan, kemasyarakatan, jelajah, keselamatan jalan raya dan kesukanan sama ada di dalam negara dan peringkat antarabangsa.

"Memang sudah tidak dapat disangkal lagi bahawa nama besar PEMODA memang sudah dikenali di seantero negara, kepulauan Borneo, rantau ini dan antarabangsa," ujarnya.

Tambahnya, ahli-ahli yang aktif adalah aset yang sangat penting dan merupakan jentera utama kepada perlaksanaan misi yang efektif bagi mencapai visi persatuan untuk melahirkan ahli-ahli yang berkualiti, beretika dan berdisiplin serta mendukung Wawasan Brunei 2035.

Acara pada petang itu diselanjurkan dengan penyampaian Lencana Life Active Members; Lencana Outstanding Members 2022-2024; dan hadiah bagi 'Keep Fit & Ride Program' iaitu acara sukan PEMODA.

Penyampaian tersebut adalah sebagai penghargaan kepada ahli-ahli yang telah banyak memberikan sumbangan kepada persatuan




PERSATUAN Motosikal Darussalam (PEMODA) semasa mengadakan Mesyuarat Agung (AGM) Kali Ke-15.

berkenaan.

PEMODA sebagai salah sebuah NGOs di negara ini akan terus maju ke hadapan bagi mengharumkan nama negara di persada dunia permotoran untuk menjadi sebuah persatuan motosikal berkuasa tinggi yang berkualiti.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak

Operasi Bersepadu Kabat dapati pelbagai kesalahan



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melaksanakan Operasi Bersepadu Kabat 70/2024, Operasi Kabat 71/2024 dan Operasi Kabat 74/2024 (atas, atas kanan dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melaksanakan Operasi Bersepadu Kabat 70/2024 bersama dengan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED)

dan Bahagian Penguatkuasaan U管家 (BPU).

Operasi bersepadu berkenaan diadakan di Pos Kawalan Imigresen Sementara Kuala Lurah dan hasil pemeriksaan mendapati beberapa individu dipercayai melakukan kesalahan di bawah bidang tugas agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, iaitu 14 kes kompaun dikeluarkan oleh PPDB, empat kes di bawah JKED dan 16 kes lagi di bawah BPU.



IMBASAN MINGGUAN



MAJLIS Khatam Al-Quran bagi Sekolah Ugama Junjongan dan Sekolah Ugama (BSR) Panglima Barudin Limau Manis. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

PENGURUSAN daging Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang telah siap untuk dilaksanakan.
- Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA yang hadir pada Majlis Penyampaian Pengagihan Daging Korban kepada penerima pada Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan JPM. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



KERJA-kerja pembungkusan khusus bagi Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat baginda pada tahun ini. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

PASUKAN Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) berdoa memohon keberkatan sebelum berlepas bagi menyertai Kejohanan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah 16 (B-16), 2024 untuk bersaing dengan pasukan bola sepak negara-negara ASEAN yang akan berlangsung di Surakarta, Indonesia, bermula 19 Jun hingga 4 Julai 2024. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



'Love scam' - Berfikir bijak s belum terjebak

PERKEMBANGAN teknologi semakin meningkat hari ini tanpa disedari memberikan kesan kepada kita menjalani kehidupan sehari-hari. Antara cabaran dan ancaman baru dihadapi individu hari ini adalah penipuan dalam talian atau *scam*.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang semakin pesat, jenayah penipuan siber atau *scam* juga menunjukkan trend semakin membimbangkan dan hampir setiap hari ada sahaja kes mangsa ditipu melalui panggilan telefon atau media sosial. Ketika ini, jenayah penipuan dalam talian bukan lagi hal yang luar biasa. Malah, meskipun banyak berita mengenainya dilaporkan media, jenayah ini semakin berleluasa dengan kebanyakan mangsa mengalami kerugian mencecah jutaan ringgit.

Jenayah penipuan dalam talian ini juga pelbagai bentuk. Jika ada yang mungkin berjaya mengagalkan penipuan berbentuk e-Dagang, pelaburan dan pinjaman tidak wujud, namun mereka termakan pula janji manis penjenayah cinta siber.

Apa itu *love scam*?

Jenayah cinta siber atau lebih dikenali sebagai *love scam* ini adalah jenayah penipuan percintaan dalam talian yang membabitkan kecurian identiti dan penipuan. Dalam penipuan ini, penjenayah akan berpura-pura memulakan hubungan melalui laman janji temu dalam talian atau laman rangkaian sosial dengan niat untuk menipu mangsa. Penjenayah akan membuat profil peribadi dengan gambar yang dicuri dan setentunya gambar yang digunakan dapat menarik hati siapa yang melihat terutama golongan wanita. Selepas menjalinkan hubungan dan mangsa sudah jatuh dalam perangkap maka penipu akan mula memainkan peranan. Penipu akan mula meminta wang, bahkan ada kala dalam jumlah yang besar dengan pelbagai alasan. Penipuan

ini berakhir hanya apabila mangsa mengetahui bahawa mereka sudah ditipu dan berhenti memberi wang.

Bagaimana boleh terjebak?

Jenayah penipuan *love scam* sering menyasarkan individu kesunyian dengan menggunakan media sosial. Individu kesunyian sama ada yang kehilangan pasangan hidup atau hidup keseorangan kerap menjadi sasaran sindiket *love scam*. Wanita yang terlalu aktif di media sosial, kesunyian, kemurungan dan mengimpikan kehidupan di luar negara adalah golongan yang juga kerap menjadi mangsa penipuan cinta atau *love scam*.

Ketika mula berkenalan, sindiket yang menyamar dengan menggunakan profil palsu akan 'berlakon' kononnya sentiasa mengambil berat dan kerap memberi nasihat. Ini kerana ada individu yang suka berkongsi masalah peribadi di media sosial dan dilihat ia satu peluang untuk menipu mangsa tersebut.

Apabila mereka berkenalan di media sosial, mangsa akan berasa suspek kononnya mengambil berat dan sering memberi nasihat hingga menyebabkan mangsa jatuh cinta.

Selepas berkenalan hingga mangsa jatuh cinta, suspek akan meminta pertolongan daripada segi kewangan dengan pelbagai alasan antaranya untuk urusan perniagaan. Mangsa yang simpati kemudian membuat transaksi wang sebelum menyedari mereka ditipu. Perasaan cinta terhadap 'kekasisinya' itu mengakibatkan mangsa percaya dan akan melakukan seperti yang diminta tanpa menyelidiki terlebih dahulu. Mangsa baru menyedari menjadi mangsa tipu apabila penipu tidak lagi berhubungan dengan mangsa dan hilang begitu sahaja tanpa dapat dikesan setelah memperoleh apa yang dihajati.

Bersikap lalai, tiada kesedaran

Meskipun sudah tahu mengenai penipuan dalam talian, terdapat

sebahagian masyarakat di negara ini masih tidak mempunyai kesedaran tentang bahayanya jenayah cinta siber ini. Mengapa hal seperti ini terjadi? Ia sebenarnya bukan disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan dalam diri masyarakat, sebaliknya ia mungkin berpuncu daripada sikap masyarakat yang tidak ingin ambil tahu dan memandang sebelah mata isu semasa yang dilaporkan sekeliang mereka.

Malah, jika dilihat lingkungan usia mangsa pula, sesetengahnya berada pada pertengahan umur, belum berkahwin atau isteri yang kurang mendapat kasih sayang suami malah ada juga daripada golongan warga emas. Meskipun masyarakat berpandangan, golongan tua lebih mudah ditipu tetapi jika melihat statistik usia mangsa pula kita dapat iaitu golongan pertengahan umur juga dikatakan lebih terdedah kepada jenayah cinta siber. Hal ini disebabkan mereka kebanyakannya masih sendirian pada usia 40-an, namun berpendapatan tinggi dan mungkin lebih sering mencari pasangan dalam aplikasi janji temu.

Penipuan cinta dalam talian adalah satu bentuk jenayah yang sangat licik. Kesedaran dan kewaspadaan masyarakat adalah perkara yang penting untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan. Maka sebelum berkenalan atau mendekati seseorang dalam talian, awda perlu berhati-hati, terutama apabila individu menyatakan cinta atau kasih sayang mereka terlalu cepat.

Perhebat kempen kesedaran

Selain itu, aspek paling utama yang mungkin terlepas pandang adalah memberi kefahaman kepada orang awam mengenai jenis atau bentuk *scammer* supaya mereka sentiasa peka dan dapat menghindari taktik sindiket ini pada peringkat awal supaya tidak terjerumus dalam kancang penipuan.

Antara yang boleh dibuat adalah membuat kempen kesedaran ancaman *scammer* di sekolah

Rencana dan Foto : Hajah Rosidah Haji Ismail

sehingga di universiti bagi memberi kesedaran kepada orang ramai dan segera melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa.

Orang awam perlu sentiasa diberi peringatan supaya waspada dan tidak klik pautan mencurigakan apabila menerima SMS (Khidmat Pesanan Ringkas) tidak dikenali, selain tidak membuat sebarang transaksi pindahan wang tanpa pengesahan pihak berkenaan terlebih dahulu.

Jenayah *scam* ini wajar diberi perhatian serius oleh semua lapisan masyarakat pada semua peringkat usia kerana masih ada menjadi mangsa, walaupun sudah berhati-hati dan waspada terhadap ancaman *scammer*. Jenayah *scam* ini bukan sahaja menyebabkan

mangsa kerugian wang, bahkan memberi kesan emosi dan psikologi yang boleh membawa kepada penyakit kemurungan serius.

Kesimpulan

Orang ramai yang dilihat mudah terpedaya dengan sindiket penipuan dalam talian atau *scam* ini berkemungkinan kerana sikap lalai dan merasakan diri mereka tidak akan menjadi mangsa sindiket penipuan. Oleh itu, bersikirlah dengan bijak dan waras kerana jika hilang pertimbangan disebabkan oleh *love scam* pasti akan membawa kehancuran dan kekecewaan. Ingat, jangan sampai awda terjebak, hati dan perasaan serta wang awda perlu dikawal dengan baik dan matang.





MASALAH dadah adalah masalah global yang masih lagi merupakan musuh utama dan boleh menggugat keamanan dan keselamatan kepada setiap negara. Cabaran yang dihadapi dunia dan manusia khususnya ancaman penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah haram sangatlah membimbangkan dan memberi kesan buruk bukan hanya kepada si pengguna, bahkan kepada seluruh ahli keluarga, masyarakat dan negara yang inginkan keharmonian dan kesejahteraan hidup di dunia ini.

Antara kesan negatif dan kemudaratannya penyalahgunaan dan pengedaran dadah itu, ia boleh menghancurkan rumah tangga, memporak-perandakan keluarga, memusnahkan kesejahteraan hidup bermasyarakat seterusnya membebankan negara dan mengancam keselamatannya. Sekiranya penyalahgunaan dan pengedaran dadah tidak dibendung dengan segera, masalah ini akan mengakibatkan kehancuran umat dan negara.

Penggunaan / pengedaran dadah

Kita perlu sedar bahawa penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah haram terus saja mengganggu kehidupan masyarakat kita sehingga ke

Masyarakat perlu perangi gejala dadah habis-habisan

hari ini, terutama masyarakat Islam. Sekiranya kita lalai dan alpa, ia akan terus mengancam keselamatan negara dan memusnahkan kesejahteraan hidup kita semua. Sesungguhnya penyalahgunaan dadah itu tidak lain hanya membawa kepada kemerosotan ekonomi negara iaitu banyak kos perbelanjaan dalam membuat pengawasan dan pengedaran dadah di negara ini, antara agensi kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan ialah Biro Kawalan Narkotik (BKN). Tanggungjawab utama BKN adalah untuk menguatkuasakan undang-undang berkenaan jenayah dadah di negara ini.

Penggunaan dadah dan ketagihannya adalah daripada faktor biologi, alam sekitar dan sosial yang kompleks. Kemiskinan, penderaan fizikal, seksual dan emosi adalah faktor mengapa sesetengah mereka lebih terdedah kepada ketagihan. Ketagihan dadah merupakan senario perubatan kronik dan dalam istilah mudah adalah penyakit.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB) telah menetapkan dan memilih setiap 26 Jun sebagai tarikh Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram.

Biro Kawalan Narkotik

Dalam mencegah dan membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah di negara ini, antara agensi kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan ialah Biro Kawalan Narkotik (BKN). Tanggungjawab utama BKN adalah untuk menguatkuasakan undang-undang berkenaan jenayah dadah di negara ini.

Usaha-usaha BKN dalam menguatkuasakan undang-undang ini akan lebih berkesan dan hanya berjaya mencapai tujuan dan maksudnya sekiranya mendapat sokongan padu daripada lapisan masyarakat kerana masalah dadah itu boleh meruntuhkan usaha pembinaan masyarakat gemilang sekali gus mengancam masa depan negara.

Dengan yang demikian,

semua pihak perlu sentiasa bertanggungjawab dalam sama-sama mengambil langkah-langkah yang positif dan berganding bahu, bekerjasama dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah haram bagi memastikan keselamatan negara bebas daripada ancaman bahaya dadah.

Tindakan membanteras dadah

Tindakan pencegahan dadah yang berkesan memerlukan penglibatan semua golongan masyarakat. Pada zaman moden ini, golongan muda lebih bebas, terdedah kepada pengaruh asing dan mereka lebih mengutamakan pandangan rakan sebaya. Dengan ini, mereka mudah terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat. Untuk disanjung oleh kawan, mereka menunjukkan keberanian dengan menghisap rokok dan dadah. Sekali mereka bermula, maka amat sukar bagi mereka memberhentikan amalan buruk ini. Masyarakat harus dididik kecil lagi bahawa dadah itu najis, benda yang kotor

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

dan tidak boleh disentuh.

Sekiranya kita berjaya menyemai nilai ini dalam hati sanubari mereka, sebahagian daripada kejayaan pencegahan dadah akan tercapai. Kita harus sedar bahawa tindakan kita ke arah matlamat mencegah penyalahgunaan dadah ini adalah untuk menyelamatkan bukan sahaja keluarga kita sendiri bahkan generasi muda untuk mewujudkan satu bangsa yang bermaruah dan dihormati.

Kesedaran dan kerjasama orang ramai kepada pihak berkuasa amat penting khususnya membanteras penyaludupan dadah ke negara ini. Dan seterusnya sama-sama berganding bahu dan memberi sokongan kepada BKN dalam menjalankan proses pemulihan ke atas bekas-bekas pengguna dadah. Kerana pencegahan awal merupakan strategi jangka panjang yang lebih baik bagi membina kekuatan jati diri dan sikap seseorang agar tidak mudah dipengaruhi oleh dadah.



22 MAUT, PEJABAT PALANG MERAH DI GAZA ROSAK TERKENA SERANGAN

GENEVA, 22 Jun. - Peluru berkaliber yang mendarat beberapa meter dari Pejabat Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa di Semenanjung Gaza pada Jumaat mengorbankan 22 nyawa yang berlindung di kemudahan itu, lapor Agensi Anadolu.

"Serangan itu merosakkan struktur pejabat ICRC yang dikelilingi oleh ratusan orang

awam yang hilang tempat tinggal termasuk ramai rakan kerja Palestin kami," menurut ICRC dalam satu kenyataan. Insiden itu menyebabkan hospital medan Palang Merah berhampiran menerima 22 mayat dan 45 cedera, dengan laporan terdapat lebih ramai mangsa.

"Serangan yang begitu hampir dengan struktur bangunan Palang

Merah serta lokasinya diketahui oleh pihak bertelaah, meletakkan nyawa orang awam dan kakitangan Palang Merah dalam bahaya. Kejadian ini hanyalah satu daripada beberapa insiden yang terjadi beberapa hari kebelakangan ini, sebelum ini peluru sesat telah mengenai struktur ICRC. Kami mengecam insiden ini yang membahayakan nyawa manusia

dan orang awam," menurut ICRC.

Di bawah undang-undang antarabangsa, pihak yang terlibat dalam konflik mesti mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan serangan terhadap



orang awam dan kerusakan kepada harta benda awam termasuk kemudahan kemanusiaan, menurut Palang Merah. - ©BERNAMA

Bot terbalik di Segenting, empat nelayan hilang

BATU PAHAT, 22 Jun. - Empat nelayan warga tempatan hilang manakala seorang lagi ditemukan selamat setelah bot yang mereka naiki terbalik kira-kira 6.8 batu nautika barat daya Tanjung Segenting di sini semalam.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Komander Maritim Mohd Hanis Mohd Yunus berkata kejadian itu melibatkan nelayan berusia antara 43 hingga 63 tahun dan bot mereka terbalik akibat ombak besar sekitar 6 pagi.

Beliau berkata pihak Maritim menerusi Maritim Rescue Sub

Centre (MRSC) Johor Bahru mengaktifkan Operasi Mencari dan Menyelamat (Op CARILAMAT) semua mangsa setelah menerima aduan daripada orang awam.

"Maklumat awal kejadian, bot nelayan itu dinaiki oleh lima orang kru keluar ke laut untuk memukat ikan, namun cuaca buruk dan ombak besar menyebabkan bot terbalik seterusnya tenggelam.

"Sejurus menerima maklumat itu, MRSC Johor Bahru mengaktifkan Op CARILAMAT pada 9 pagi dan Bot Penggalang 30 dari Zon Maritim Batu Pahat diatur gerak ke lokasi kejadian," katanya dalam kenyataan hari ini. Jelas Mohd Hanis sebaik

tiba di lokasi kejadian pihaknya mendapati bot nelayan itu kelihatan hampir tenggelam sepenuhnya.

Beliau berkata seorang mangsa berusia 43 tahun diselamatkan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Batu Pahat sebelum diantar ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) untuk mendapatkan rawatan.

"Operasi pencarian diperluaskan dengan penambahan radius kawasan kepada 23 batu nautika persegi. Selain Maritim Malaysia, operasi itu juga dibantu Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam (APM)," katanya. - ©BERNAMA

Jururawat, pengawal keselamatan cedera diserang di hospital Sydney

SYDNEY, 22 Jun. - Seorang lelaki bersenjatakan pisau telah ditahan selepas tiga pengawal keselamatan dan seorang jururawat cedera di hospital Sydney, lapor Xinhua.

Polis menerima laporan berhubung kejadian di Westmead pada 11.30 malam waktu tempatan

Jumaat. Sejurus tiba, pegawai dimaklumkan bahawa seorang lelaki berusia 39 tahun telah menikam dua pengawal keselamatan lelaki, masing-masing berumur 25 dan 24 tahun, manakala seorang pengawal keselamatan lelaki lagi mengalami kcederaan di bahu. - ©BERNAMA

Selain itu, seorang jururawat lelaki berusia 29 tahun turut mengalami cedera ringan.

Menurut laporan Perbadanan Penyiaran Australia, lelaki terbabit adalah pesakit hospital berkenaan dan keempat-empat kakitangan hospital cedera ketika cuba menahannya. - ©BERNAMA

Bangladesh terima pembiayaan US\$900 juta untuk pertumbuhan lestari

DHAKA, 22 Jun. - Lembaga Pengarah Eksekutif Bank Dunia meluluskan dua projek berjumlah US\$900 juta bagi membantu Bangladesh memperkuat dasar fiskal dan kewangan, serta meningkatkan infrastruktur dan pengurusan bandar bagi memastikan pertumbuhan yang lestari dan berdaya tahan iklim.

"Pembaharuan yang tegas akan membantu Bangladesh mengekalkan pertumbuhan dan mengukuhkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan kejutan lain."

"Pembiayaan baharu ini akan membantu Bangladesh dalam dua bidang utama iaitu sektor kewangan dan pengurusan bandar dan untuk mencapai status negara berpendapatan pertengahan tinggi,"

pengarah negara Bank Dunia untuk Bangladesh dan Bhutan, Abdoulaye Seck dipetik sebagai berkata dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Projek pertama, Kredit Dasar Pemulihan dan Daya Tahan Kedua bernilai US\$500 juta, bertujuan menyokong reformasi fiskal dan kewangan bagi mempercepatkan pertumbuhan lestari dan membina ketahanan terhadap kejutan masa depan, termasuk perubahan iklim.

Pakar Ekonomi Kanan dan Ketua Pasukan Petugas Bank Dunia untuk program itu, Bernard Haven menjelaskan bahawa sektor kewangan yang berfungsi dengan baik adalah penting bagi meningkatkan pelaburan dan akses kepada pembiayaan untuk mereka

yang terpinggir daripada sistem perbankan formal.

Projek kedua, Pembangunan Bandar dan Wilayah yang Berdaya Tahan bernilai US\$400 juta akan membantu meningkatkan infrastruktur bandar yang tahan iklim dan serta keupayaan pengurusan bandar di sepanjang koridor ekonomi meliputi lebih 950 kilometer dari Cox Bazaar di selatan hingga Panchagarh di utara Bangladesh.

Pakar Pembangunan Bandar Kanan Bank Dunia, Kwabena Amankwah-Ayeh berkata projek ini akan membantu membina ketahanan terhadap perubahan iklim dan mewujudkan peluang pekerjaan di bandar-bandar lain. - ©BERNAMA

Kementerian Luar Kuwait juga meminta warganya untuk tidak pergi ke Lubnan "pada ketika ini memandangkan situasi keselamatan di rantau itu." Tentera Israel pada Selasa meluluskan rancangan untuk serangan besar-besaran ke atas Lubnan di tengah ketegangan yang semakin memuncak dengan Hezbollah.

Ketegangan meningkat di sepanjang sempadan Lubnan dengan Israel

ekoran serangan rentas sempadan antara Hezbollah dan tentera Israel

ketika Tel Aviv membedil Semenanjung Gaza hingga mengorbankan lebih daripada 37,450 mangsa sejak 7 Oktober. - ©BERNAMA

Indonesia sekat akses platform judi dalam talian

JAKARTA, 22 Jun. - Menteri Penyelaras bagi Hal Ehwal Politik, Undang-undang dan Keselamatan, Hadi Tjahjanto pada Jumaat mengumumkan bahawa pasukan petugas perjudian dalam talian akan menyekat akses orang ramai terhadap platform perjudian dalam talian.

Pasukan petugas itu juga akan melibatkan pegawai tidak bertaualiah (Babinsa), Angkatan Tentera Negara (TNI) dan pegawai keselamatan dan ketenteraman awam (Bhabinkamtibmas) Polis Negara (Polri) dalam memantau sistem pembayaran yang boleh disalahgunakan secara dalam talian.

"Pasukan petugas akan menyekat akses platform perjudian dalam talian luar negara terutamanya dengan menyasarkan penyedia akses rangkaian."

"Bhabinkamtibmas dan Babinsa sedang giat memantau aktiviti akaun bank yang digunakan untuk tujuan itu serta pasar mini yang menjual kredit tambah nilai perjudian dalam talian," kata Tjahjanto dalam sidang media di Jakarta pada Jumaat, lapor ANTARA.

Presiden Joko Widodo menubuhkan pasukan pembasmian judi dalam talian yang diketuai Tjahjanto pada 14 Jun lalu.

Sementara itu, Pusat Laporan dan Analisis Transaksi Kewangan (PPATK) merekodkan sekitar 4,000 hingga 5,000 akaun bank yang disyaki mempunyai kaitan dengan aktiviti itu.

Data-data terbabit akan diserahkan kepada Badan Siasatan Jenayah Polri untuk tindakan lanjut. - ©BERNAMA



KUALA LUMPUR, 23 Jun. - Kerja-kerja pembersihan tumpahan bahan api marin (MFO) di perairan Pengerang, Johor yang bermula pagi semalam dijadual selesai sepenuhnya Sabtu depan.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad berkata fasa satu kerja-kerja pembersihan dilakukan kontraktor dilantik di kawasan terjejas melibatkan pengumpulan sisa sampah berminyak yang kini sudah mencapai 95 peratus.

Beliau berkata fasa kedua pembersihan melibatkan penyemburuan kawasan berbatu dan pembersihan batu kerikil pula sudah

PEMBERSIHAN SISA TUMPAHAN MINYAK DI PERAIRAN PENGERANG SELESAI SABTU DEPAN

20 peratus selesai.

"Kerja-kerja pembersihan lain seperti pengumpulan tarball di permukaan pantai dan pengepungan air berminyak menggunakan absorbent boom untuk mengelakkan mengalir ke arah laut juga giat dilakukan.

"Ia melibatkan kawasan pantai Sungai Rengit iaitu di belakang Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Rengit dan Jeti Nelayan Sungai Rengit," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Karnival Alam Kita (Setiawangsa) di Taman Tasik Titiwangsa di sini hari ini.

Nik Nazmi berkata penemuan minyak juga dilapor dikesan di kawasan Pulau Cik Kamat dan kontraktor akan dihantar untuk

melakukan pembersihan selepas penilaian keadaan di kawasan itu selesai.

Beliau berkata sehingga hari ini status lokasi lain antaranya kawasan berbatu di belakang Balai Polis Sungai Rengit masih belum dibersihkan manakala pemantauan terus dilakukan di Pantai Teluk Ramunia berhampiran kawasan masjid di situ.

"APMM (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia) telah menggerakkan aset untuk memantau perairan Pengerang hingga ke Abu Bakar Maritime Base dan setakat ini tiada tompokan minyak dikesan di kawasan terbabit," katanya.

Sementara itu, ketika diminta

Mengulas mengenai desakan sesetengah pihak supaya kerajaan menuntut ganti rugi kepada pihak terlibat sehingga berlakunya insiden tumpahan minyak itu, Nik Nazmi berkata kerajaan akan memperhalus tuntutan berkenaan menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada.

Media sebelum ini melaporkan pada 14 Jun lepas, sebuah kapal Vox Maxima dari Belanda melanggar kapal tangki minyak Marine Honor dari Singapura yang menyebabkan kira-kira 400 tan tumpahan minyak di perairan sekitar pantai Singapura dan merebak ke perairan negara.

"Kementerian juga telah mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya pemasangan CCTV (kamera litar tertutup) dibuat Pihak Berkuasa Tempatan di hotspots kawasan pembuangan serta lokasi-lokasi strategik bagi menangani masalah sama daripada berulang," katanya. - ©BERNAMA

Bulan Sabit Merah Arab Saudi bantu jemaah haji Iraq pulang ke tanah air

ARAR (Arab Saudi), 23 Jun. - Pihak Berkuasa Bulan Sabit Merah Arab Saudi di wilayah sempadan utara telah menyediakan perkhidmatan perubatan, kecemasan dan sukarelawan kepada lebih 20,000 jemaah haji Iraq yang pulang melalui lintasan sempadan Jadidat Arar.

Lima puluh sukarelawan bekerja sepanjang masa untuk menyediakan perkhidmatan itu, termasuk memeriksa tanda vital, mengangut warga emas dan mereka yang uzur serta menawarkan rawatan perubatan dan kecemasan yang komprehensif, lapor Agensi Berita Arab Saudi.

Pasukan lapangan bersama ambulans udara dan darat mempunyai teknologi terkini untuk memberikan penjagaan terbaik kepada para jemaah. - ©BERNAMA

MBMB teroka ICT, inovasi realisasi visi bandar raya lestari, pintar

MELAKA, 23 Jun. - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) komited dalam meneroka perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta inovasi bagi merealisasikan visi menjadi bandar raya lestari dan pintar.

Datuk Bandar MBMB Datuk Shadan Othman berkata pelbagai saluran melalui gerbang pendigitalan dan teknologi turut dibangunkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam memberi perkhidmatan serta kemudahan kepada orang awam untuk berurus.

"Pelbagai komponen bandar pintar seperti Smart Living, Smart Government, Smart Mobility serta Smart Economy telah dan sedang dilaksanakan. Antaranya ialah SmartMap MBMB, My FPX-MBMB Payment Gateway, Command Centre MBMB, aplikasi i-Trafik, Environmental Sensor Station (ESS-15) serta aplikasi Crowd Monitoring di Zon Bebas Kenderaan Banda Hilir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Banda Hilir di sini malam tadi ketika hadir pada Karnival ICT dan Inovasi MBMB 2024 yang dirasmikan Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri Datuk Zulkifle Mohd Zin.

Mengulas lanjut Shadan berkata pihaknya juga menyasarkan meraih pengiktirafan Anugerah Developing Smart City pada masa akan datang selepas dianugerahkan dalam penarafan tahap pertama iaitu Smart City Early Adopter menerusi program Penarafan Bandar Pintar Malaysia, baru-baru ini.

Beliau berkata ia satu daripada pencapaian tertinggi dan pihaknya akan memastikan kriteria diperlukan dalam program itu diperluaskan dengan mewujudkan pelbagai inisiatif yang menerapkan penggunaan ICT dan inovasi dalam perkhidmatan di kawasan pentadbiran MBMB.

Penarafan program yang julung kali diperkenalkan melalui PLANMalaysia itu sebahagian daripada pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025 bagi mengiktiraf peranan PBT yang melaksanakan inisiatif Bandar Pintar berpandukan indikator

Tasik Chini tawar pelancongan berdasarkan Pendidikan

PEKAN, 23 Jun. - Destinasi pelancongan alam semula jadi Tasik Chini di sini yang terjejas suatu ketika dahulu kini sedia menerima lebih ramai pengunjung menerusi penawaran pakej pelancongan berdasarkan pendidikan (edutourism).

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Pahang Leong Yu Man berkata beberapa pakej pelancongan ditawarkan menerusi Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) yang menyasarkan pengunjung terdiri pelajar sekolah dan universiti.

Di samping pelaksanaan pelan ditemui pemberita selepas program Libat Urus: Penyediaan Pelan Pembangunan Pengurusan Tasik

berkata promosi pelancongan berdasarkan pendidikan ini dilaksanakan bagi mengembalikan kegemilangan Tasik Chini yang pernah popular dalam kalangan pelancong tempatan dan luar negara.

"Pengunjung boleh mendapatkan kemudahan disediakan di sini menerusi pakej dan aktiviti berdasarkan pendidikan. Kita galakkan pihak universiti dan sekolah adakan program di sini untuk belajar tentang alam semula jadi dan melihat keunikan yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas program Libat Urus: Penyediaan Pelan Pembangunan Pengurusan Tasik

Chini Rizab Biosfera anjuran Perbadanan Taman Negeri Pahang yang disertai 18 agensi dan empat perkampungan Orang Asli di PPTC di sini hari ini.

Antara aktiviti tersedia termasuk pengunjung akan didedahkan dengan gaya hidup dan budaya orang asal, alam semula jadi seperti tumbuhan serta haiwan sekitar pusat pelancongan itu selain pengetahuan mengenai pengurusan dan keselamatan dalam air.

Leong berkata pihaknya sentiasa berusaha untuk merancakkan lagi destinasi pelancongan berkenaan antara lain dilihat dapat membantu menjana pendapatan penduduk setempat. - ©BERNAMA

Pihak berkuasa Greece tahan 13 orang selepas bunga api sebabkan kebakaran hutan

ATHENS, 23 Jun. - Pihak berkuasa Greece menahan 13 kru sebuah kapal layar kerana disyaki menyebabkan kebakaran hutan, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Kru berkenaan didakwa melakukan persembahan bunga api di pantai peranginan popular Pulau Hydra untuk menghiburkan tetamu, tetapi percikan api memulakan kebakaran di hanya satu-satunya hutan pain di sana.

Pada mulanya suspek cuba untuk memadamkan api tetapi kemudian menghubungi bomba dan beredar dari kawasan itu.

Mereka yang berada dalam

bot lain menyaksikan insiden itu dan melaporkan kepada pihak berkuasa, lapor media Greece dan memetik pihak pengawal pantai. Mereka yang ditahan akan dibawa ke muka pengadilan, kata pihak bomba.

Datuk Bandar pulau itu menzahirkan kemarahanannya dalam wawancara di televisyen dan berkata tidak kira apa tindakan kerajaan pusat, komuniti di pulau itu akan membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan.

Bomba berjaya mengawal kebakaran hutan itu lewat petang Sabtu dengan bantuan helikopter.

Penalti yang dikenakan kerana sengaja atau dengan cuai mengakibatkan kebakaran meningkat di Greece tahun lepas, yang berulang-kali berhadapan dengan kebakaran hutan. Selain daripada penalti sehingga berpuluhan ribu euro, individu boleh dipenjara maksimum 10 tahun jika didapati bersalah biarpun kebakaran itu adalah akibat kecuaian.

Sementara itu risiko kebakaran hutan kekal tinggi di beberapa bahagian tengah Greece sepanjang hujung minggu menurut pasukan Pertahanan Awam Greece. Bagaimanapun, seorang jurucakap bomba berkata pada pagi Ahad bahawa kebanyakannya kebakaran telah berjaya dikawal. - ©BERNAMA

Liga Arab sambut baik pengiktirafan Armenia terhadap Negara Palestin

KAHERAH, 23 Jun. - Setiausaha Agung Liga Arab, Ahmed Aboul Gheit menyambut baik pengumuman Armenia mengiktiraf Negara Palestin secara rasmi, menganggap pengiktirafan itu sebagai langkah penting ke arah merealisasikan Negara Palestin berdasarkan sempadan 4 Jun 1967.

Aboul Gheit menyifatkan keputusan Armenia sebagai berani, mencerminkan pendirian negara sahabat itu di pihak yang benar dalam sejarah, lapor Agensi Berita Emirates (WAM).

Beliau berkata peningkatan pengiktirafan terhadap Negara Palestin mencerminkan keyakinan yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat antarabangsa tentang kemustahilan untuk meneruskan pendudukan dan keperluan untuk melaksanakan penyelesaian dua negara.

Beliau juga menyeru negara-negara yang belum mengambil langkah berkenaan untuk membuat keputusan yang betul dari segi moral, undang-undang dan politik untuk mengiktiraf Negara Palestin

secepat mungkin, menganggap langkah itu sebagai aspek untuk merealisasikan penyelesaian dua negara dan sumbangan tulen untuk mencapai keamanan dan menamatkan pendudukan.

Saudi Press Agency (SPA) pada Sabtu melaporkan bahawa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) menyambut baik pengiktirafan Armenia terhadap negara Palestin, menganggapnya sebagai langkah penting ke arah mematuhi undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB yang berkaitan. - ©BERNAMA

IRWAN HAMID JUARA KEJOHANAN BAIDURI MASTERS

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian piala dan hadiah kepada penerima (atas). Manakala gambar kanan, sekitar Majlis Penyampaian Hadiah bagi Kejohanan Baiduri Masters 2024.

KIULAP, Ahad, 23 Jun. - Irwan Hamid muncul juara pada Kejohanan Baiduri Masters 2024 dengan 75 pukulan (Gross OCB), diikuti tempat kedua disandang oleh Tony Haji Karim dengan 75 pukulan dan Seruji Haji Setia tempat ketiga dengan 76 pukulan.

Manakala Almas Syadzwanie menjadi wanita pertama yang menyarungkan Jaket Hijau, setelah kejayaan 6-over par menumpaskan peserta wanita yang lain.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah bagi Kejohanan Baiduri Masters 2024

malam tadi diadakan di Aras 3, J Hotel, Kiulap, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian piala dan hadiah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pengarah Urusan Baiduri Finance, Awang Haji Haliluddin bin Dato Seri Paduka Haji Talib semasa menyampaikan ucapannya selaku Presiden Baiduri Masters 2024 menjelaskan, dua hujung minggu yang lalu merupakan salah satu perjalanan indah yang diiringi



dengan semangat persahabatan dan berdaya saing.

"Suasana dalam kalangan para pemain adalah sangat baik. Acara ini bukan sahaja mengenai golf semata-mata, ia juga adalah bagi memberi impak yang positif kepada komuniti, sambil melakukan sesuatu yang kami gemari.

"Ribuan terima kasih kepada sumbangan daripada rakan kongsi kami tahun lepas yang mana kami dapat menderma 100 peratus daripada yuran pendaftaran pemain golf kepada empat badan amal, walaupun dengan kadar

perbelanjaan yang lebih tinggi," jelasnya lagi.

Beliau seterusnya mengongsikan bahawa pada tahun ini kutipan dana menerusi yuran penyertaan akan didermakan kepada lima badan amal iaitu Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA),

Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA), Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan; dan Learning Ladders Society (LLS).

Seramai 646 pemain golf telah mendaftar bagi Kejohanan Baiduri

Masters 2024.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Kejohanan berkenaan disokong secara rasmi oleh KKBS, manakala QAF Brunei (rakan kongsi acara) dan Brunei Press (rakan kongsi media) telah menyokong setiap edisi kejohanan itu sejak ia pertama kali diadakan pada tahun 1995 dan meneruskan perkongsian mereka tahun ini.

Ketiadaan penyerang berbisa tidak rencat serangan JDT

ISKANDAR PUTERI, 23 Jun. - Ketiadaan penyerang berbisa Fernando Forestieri dan Bergson Da Silva akibat kecederaan tidak merencatkan jentera serangan Johor Darul Ta'zim (JDT) ketika menewaskan Sri Pahang FC 3-0 di Stadium Sultan Ibrahim, Iskandar Puteri, malam tadi.

Pengendali JDT Hector Bidoglio berkata barisan anak buahnya menguasai hampir keseluruhan permainan meskipun berdepan pasukan lawan yang dilihat bertumpu di kawasan sendiri

terutama pada babak pertama.

"Di babak kedua, kita menggandakan intensiti permainan dengan menyerang di posisi kiri dan kanan sekali gus memberi kelebihan untuk kami menjaringkan dua gol," katanya dalam sidang media selepas perlawanan itu.

Jaringan hatrik penyerang import Heberty Fernandes memastikan JDT mengukuhkan cengkaman di persada Liga Super dengan empat kemenangan daripada empat perlawanan. Bidoglio berkata fokus pasukannya kini terarah kepada

perlawanan seterusnya menentang Universiti Malaysia dalam saingan Piala FA pada 28 Jun ini.

Dalam pada itu Ketua Jurulatih Sri Pahang FC Fandi Ahmad berkata beberapa kesilapan di bahagian tengah membuatkan pasukannya gagal merencana gerakan berbahaya untuk menyaingi pasukan tuan rumah. "Kombinasi Mykola (Ahapov) dan Kpah Sherman juga tidak menjadi walaupun rata-rata pemain bekerja keras," katanya. - ©BERNAMA

SUKMA 2024 : Persiapan skuad SIMBA capai 90 peratus

KANGAR, 22 Jun. - Persiapan kontingen Perlis atau Skuad SIMBA 2024 bagi menghadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dan Para SUKMA yang akan berlangsung di Sarawak pada Ogos ini sudah mencapai 90 peratus.

Pengarah Majlis Sukan Negeri Perlis (MSNP) Mohd Azraai Zain Tusimin berkata persiapan itu termasuk dari aspek fizikal dan mental serta teknikal lain, manakala latihan diteruskan mengikut kesesuaian untuk

mengelakkan atlet tercedera pada saat akhir.

"Alhamdulillah, berbaki lagi 57 hari (dari 21 Jun) Skuad SIMBA 2024 sudah berada pada fasa akhir ... dijangka atlet akan mencapai kemuncak prestasi pada temasya kelak, insya-Allah," katanya kepada Bernama hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd Azraai Zain berkata sebanyak 288 atlet dari Perlis akan menyertai temasya sukan berkenaan dalam 28 daripada 37 jenis sukan

yang dipertandingkan antaranya olahraga, angkat berat, taekwondo, silat, pelayaran dan golf.

Beliau berkata kontingen Perlis menyasarkan 10 emas dengan sukan angkat berat, taekwondo dan olahraga dijangka mendominasi kutipan pingat emas, selain harapan turut diletakkan kepada atlet pelayaran, silat, golf dan catur.

"Jika dilihat daripada pencapaian edisi SUKMA yang lepas, kontingen meraih enam pingat emas, justeru

Azeem Fahmi, Shereen tempah slot final acara 100M, 400M Terbuka Kazakhstan

KUALA LUMPUR, 22 Jun. - Harapan dua pelari negara, Muhammad Azeem Fahmi dan Shereen Samson Vallabouy untuk beraksi di temasya Olimpik Paris masih terbuka apabila kedua-dua atlet berkenaan layak ke perlumbaan akhir acara masing-masing di Terbuka Kazakhstan yang dijadual berlangsung malam ini.

Pada kejohanan berlangsung di Almaty itu, Azeem Fahmi mula pentas final selepas menjuarai saringan ketiga acara 100 meter (m) dengan catatan 10.61 saat (s) mengatasi atlet Turkiye, Ertan Okzan di tempat kedua (10.72s) manakala pelari tuan rumah, Vitaliy Zems di tempat ketiga dengan catatan 10.84s, menurut laman sesawang sport-online.kz.

Sementara itu, Shereen pula melayakkan diri ke pusingan akhir acara 400m selepas mengungguli saringan satu selepas merekodkan 54.16s menewaskan dua atlet tuan rumah, Anna Shumilo yang berada di tempat kedua dengan catatan 56.58s manakala Milana Zubareva ketiga 57.76s.

Kedua-dua pemegang rekod kebangsaan dalam acara masing-masing itu perlu memenangi perlumbaan akhir yang disertai mereka bagi mencerahkan peluang untuk melayakkan diri di temasya Olimpik Paris 2024. - ©BERNAMA

sasaran 10 emas masih relevan, realistik dan mampu dicapai. MSNP juga menjangkakan ada kejutan tambahan emas daripada sukan subjektif dan kemahiran," katanya.

Sementara itu, Pengerusi

Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Kemajuan Sukan Perlis Wan Zikri Afthan Ishak optimis Sukad SIMBA 2024 bersedia membawa negeri ke peringkat tertinggi dalam temasya itu nanti. - ©BERNAMA



1,831 SERTAI LARIAN HARI OLIMPIK 2024



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Bersempena Hari Olimpik Sedunia yang jatuh pada 23 Jun setiap tahun, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Larian Hari Olimpik 2024 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Acara Larian Hari Olimpik tersebut turut dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; serta Duta-duta Besar Istimewa dan Mutlak dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi di NBD.

Acara larian didahului dengan sesi bergambar ramai bersama peserta larian, diikuti dengan senaman pemanasan badan dan pelepasan acara larian yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai senaman pemanasan badan (atas kiri), manakala gambar kiri, pelepasan acara larian disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada akhir acara larian berkenaan, Yang Berhormat turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada 10 pemenang terbaik daripada setiap kategori larian dengan pingat memperingati Larian Hari Olimpik 2024.

Larian Hari Olimpik dibahagikan kepada tujuh kategori berbeza berdasarkan jantina dan kumpulan umur yang ditetapkan iaitu Kategori 1 : 1.8km Lelaki 12 tahun ke bawah (U-12); Kategori 2 : 1.8km Perempuan 12 Tahun Ke Bawah (U-12); Kategori 3 : 1.8km Orang Kelainan Upaya; Kategori 4 : 3km Veteran Lelaki Umur 60 Tahun Ke Atas; Kategori 5 : 3km Veteran Wanita Umur 60 Tahun Ke Atas; Kategori 6 : 5km Lelaki Terbuka; dan Kategori 7 : 5km Wanita Terbuka.

Pada tahun ini, seramai 1,831 orang telah mendaftar bagi menyertai Larian Hari Olimpik tersebut.

Objektif utama Larian Hari Olimpik Antarabangsa 2024 adalah untuk mempromosikan peranan sukan dalam membina dunia yang aman dan lebih baik melalui larian.

Larian Hari Olimpik bertujuan untuk mempromosikan nilai-nilai Olimpik serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan gaya hidup sihat di samping menghimpunkan atlet dan peminat sukan untuk meraikan kuasa sukan untuk menyatukan rakyat dan menjalin kerjasama.

Penyerahan bendera kepada kontinjen NBD ke AUG 2024



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen yang akan menyertai Sukan Universiti ASEAN Ke-21 Tahun 2024 (AUG 2024) di Republik Indonesia (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 22 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi pagi tadi mengadakan Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada kontinjen yang akan menyertai Sukan Universiti ASEAN Ke-21 Tahun 2024 (AUG 2024) di Republik Indonesia.

Majlis berlangsung di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh kepada Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dr. Tang Shi Siong selaku Ketua Kontinjen.

Majlis Sukan Universiti ASEAN (AUSC), Majlis Sukan Universiti Indonesia (IUSC) dan Jawatankuasa Pengangur Sukan Universiti ASEAN Ke-21 Tahun 2024

(AUGOC 2024) akan menganjurkan AUG 2024 dari 25 Jun hingga 6 Julai 2024 di Surabaya dan Malang, Indonesia.

Bersempena dengan AUG 2024, Persidangan Antarabangsa Majlis Sukan Universiti ASEAN 2024 (AUSCIC 2024) akan diadakan dari 26 hingga 27 Jun 2024 di Surabaya, Indonesia.

Pada kejohanan tahun ini, Jabatan Pengajian Tinggi akan menghantar seramai 55 orang yang terdiri daripada 32 atlet dan 23 pegawai yang akan menyertai sebanyak lapan acara sukan iaitu olahraga, futsal,

3x3 Basketball, pencak silat, petanque, taekwando, karate dan wushu.

Kejohanan berkenaan bertujuan untuk mewujudkan semangat daya saing yang sihat dalam kalangan atlet-atlet dari universiti dan institusi di NBD dan negara-negara ASEAN.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) dan ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pendidikan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERKORBAN KERANA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DAN RASUL-NYA